

**BANCI PENDUDUK
DAN PERUMAHAN MALAYSIA
1980**



*1980 POPULATION
AND HOUSING CENSUS
OF MALAYSIA*

**PANDUAN ARAHAN UNTUK
PERINGKAT KEDUA – BORANG-BORANG 1, 3 DAN 4**

*INSTRUCTION MANUAL FOR THE
SECOND STAGE – FORMS 1, 3 AND 4*

**DISEMBER 1979
DECEMBER**

BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 1980

**PANDUAN ARAHAN UNTUK
PERINGKAT KEDUA – BORANG-BORANG 1, 3 DAN 4**

BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 1980

PANDUAN ARAHAN UNTUK
PERINGKAT KEDUA – BORANG-BORANG 1, 3 DAN 4

<u>KANDUNGAN</u>		<u>mukasurat-</u> <u>mukasurat</u>
BAHAGIAN 1 :	Pendahuluan	1
BAHAGIAN 2 :	Melawat Semula Dan Menyenaraikan Semula Tempat-tempat Kediaman	2
BAHAGIAN 3 :	Mengisi Buku Penyenaraian Rumah – Peringkat Kedua	3 – 4
BAHAGIAN 4 :	Borang Isirumah	5 – 14
BAHAGIAN 5 :	Borang Perseorangan	15 – 43
BAHAGIAN 6 :	Kerjarumah	44 – 45
BAHAGIAN 7 :	Ringkasan Tugas-tugas Penghitung Pada Peringkat Pertama . .	46 – 47

BAHAGIAN 1 : PENDAHULUAN

1.1 Buku kecil ini menerangkan kepada anda tugas-tugas yang perlu dijalankan pada Peringkat Kedua.

1.2 Tugas-tugas pada Peringkat Kedua memerlukan anda:

- (a) melawat semula Tempat-Tempat Kediaman yang disenaraikan dalam Peringkat Pertama.
- (b) mengisi di dalam mukasurat yang bernombor ganjil yang bertajuk “Peringkat Kedua – Banci Penduduk”.
- (c) mengisi Borang Isirumah (Borang 3).
- (d) mengisi Borang Perseorangan (Borang 4) atau Borang Penghitungan Sendiri (Borang 33) bagi Tempat Kediaman Beramai-ramai.
- (e) membuat kerjarumah.

1.3 Tiap-tiap tugas ini adalah dibincangkan dalam Bahagian-bahagian yang berikut:-

Kerja berkenaan dengan (a) adalah dibincangkan dalam Bahagian 2

Kerja berkenaan dengan (b) adalah dibincangkan dalam Bahagian 3

Kerja berkenaan dengan (c) adalah dibincangkan dalam Bahagian 4

Kerja berkenaan dengan (d) adalah dibincangkan dalam Bahagian 5

Kerja berkenaan dengan (e) adalah dibincangkan dalam Bahagian 6

Bahagian 7 memberi satu ringkasan mengenai kerja-kerja yang anda perlu buat pada Peringkat Kedua.

BAHAGIAN 2 : MELAWAT SEMULA DAN MENYENARAikan
SEMULA TEMPAT-TEMPAT KEDIAMAN

Pada Peringkat Kedua, anda mesti melawat semula dan menyenaraikan semula semua Tempat-Tempat Kediaman yang telah anda senaraikan pada Peringkat Pertama. Ini termasuk Tempat-Tempat Kediaman yang didapati kosong pada Peringkat Pertama.

Anda juga mesti mencari dan menentukan dan menyenaraikan Tempat-Tempat Kediaman yang tidak disenaraikan pada Peringkat Pertama. Tempat-Tempat Kediaman ini ialah tempat-tempat kediaman yang tertinggal semasa Peringkat Pertama atau tempat-tempat kediaman yang telah dibina atau siap dibina dan diduduki di antara Peringkat Pertama dan Peringkat Kedua.

Adalah penting bagi anda menyenaraikan semua Tempat-Tempat Kediaman di dalam Blok Penghitungan anda kerana kita berkehendakkan anda mengira semua orang yang mendiami di dalamnya bagi Banci Penduduk.

BAHAGIAN 3 : MENGISI BUKU PENYENARAIAAN RUMAH

MENGISI BUKU PENYENARAIAAN RUMAH – PERINGKAT KEDUA

Semasa penghitungan Peringkat Kedua, anda dikehendaki mengisikan mukasurat-mukasurat bernombor ganjil yang bertajuk 'Peringkat Kedua – Banci Penduduk'. Anda akan mengisikan perkara-perkara berikut.

Ruangan (1) dan (2) – No. T.K. dan No. Isirumah

Nombor-nombor ini adalah nombor Tempat Kediaman dan Isirumah yang telah dicetak terlebih dahulu yang sama dengan nombor dimukasurat Peringkat Pertama. Misalnya T.K. 001 bagi Peringkat Kedua dimukasurat 3 Buku Penyenaiaian Rumah adalah dirujuk kepada T.K. 001 bagi Peringkat Pertama dimukasurat 2 Buku Penyenaiaian Rumah dan begitulah seterusnya.

INGATAN: Sekiranya terdapat Tempat-Tempat Kediaman yang tidak disenaraikan pada Peringkat Pertama, tetapi telah dijumpai pada Peringkat Kedua, dan Tempat-Tempat Kediaman yang baharu saja selesai dibina atau disiapkan diantara jangka waktu Peringkat Pertama dan Kedua, anda hendaklah senaraikan Tempat-Tempat Kediaman itu pada Peringkat Kedua ini. Dengan lain perkataan anda hendaklah memasukkan Tempat-Tempat Kediaman ini didalam bahagian Peringkat Kedua Buku Penyenaiaian Rumah ini. Gunakan nombor T.K. yang berikut yang belum digunakan (sekiranya nombor terakhir yang digunakan pada Peringkat Pertama ialah 121, anda hendaklah memasukkan Tempat Kediaman yang baru itu pada nombor 122 dibahagian Peringkat Kedua). Anda hendaklah juga menuliskan Alamat/Lokaliti bagi Tempat-Tempat Kediaman ini dan Kod jenis Tempat Kediaman diruangan (8) (ia itu ruangan catitan).

Bagi Tempat-Tempat Kediaman yang disenaraikan pada Peringkat Kedua ini yang didapati tiada didiami iaitu kosong, anda tidak perlu mengisikan ruangan (3) hingga (8). Walaubagaimanapun anda hendaklah menuliskan didalam ruangan catitan bahawa Tempat Kediaman itu adalah 'kosong'.

Ruangan (3) – Nama Ketua Isirumah

Nama Ketua Isirumah lazimnya adalah sama seperti yang dicatitkan pada mukasurat Peringkat Pertama, tetapi tidaklah semestinya demikian. Begitu juga bilangan Isirumah di Tempat Kediaman itu biasanya adalah sama juga, tetapi tidaklah semestinya begitu. Adalah satu perkara yang mungkin bahawa keseluruhan orang-orang yang tinggal di Tempat Kediaman itu telah bertukar, diantara jangka waktu Peringkat Pertama dan Kedua.

Ruangan (4) – Kod Keturunan Ketua Isirumah

Sebagai sebahagian dari kerja rumah harian anda, anda dikehendaki menyalin kod keturunan Ketua Isirumah dari Borang Perseorangan (Borang 4). Butir-butir lanjut mengenai hal ini adalah diterangkan dibahagian 6 Buku Panduan untuk Peringkat Kedua – Borang-Borang 1, 3 dan 4 (Borang 7).

Ruangan (5) – Bilangan Penduduk pada Malam Banci

Ruangan ini tidak akan diisi semasa temuramah dengan isirumah itu. Maklumat yang diperlukan hendaklah disalin dari Borang Isirumah (Borang 3) sebagai sebahagian dari kerja rumah harian anda.

Ruangan (6) – Tanda Jika Borang Diisi

Anda hendaklah menandakan (✓) diruangan-ruangan ini selepas anda memenuhi Borang 3 dan Borang 4/33 bagi isirumah itu.

Ruangan (7) – Lawatan Semula

Sama seperti ruangan (11) dimukasurat Peringkat Pertama, ruangan ini adalah dimaksudkan untuk mencatat lawatan-lawatan semula.

Ruangan (8) – Catitan

Ruangan ini adalah untuk catitan. Ianya boleh juga digunakan untuk menulis Alamat/Lokaliti bagi Tempat-Tempat Kediaman baru yang ditemui pada Peringkat Kedua atau Tempat-Tempat Kediaman yang telah tertinggal pada Peringkat Pertama. Kod Tempat Kediaman bolehlah juga dituliskan disini; butir-butir lain yang difikirkan berguna bolehlah juga dicatitkan.

Pengiraan Bilangan Borang-Borang – (Mukasurat 1)

Selepas menyelesaikan penghitungan Peringkat Kedua, anda hendaklah mengisi butir-butir yang berhubung dengan Borang 3 dan 4/33.

Ringkasan Jumlah-Jumlah Dimukasurat – (Mukasurat 65)

Sebagai sebahagian dari kerja rumah anda, anda dikehendaki mengisi butir-butir dimukasurat 65, setelah selesai penghitungan Peringkat Kedua. Ini diterangkan dengan lebih lanjut lagi dibahagian (6) Buku Panduan untuk Peringkat Kedua (Borang 7). Anda hendaklah menggunakan cara yang sama untuk mengisi butir-butir ringkasan ini seperti pada Peringkat Pertama.

Pengakuan Penghitung – (Mukasurat 67)

Selepas selesai penghitungan Peringkat Kedua dan sebelum anda menyerahkan buku ini dan borang-borang yang lain pada Penyelia anda, anda hendaklah menandatangani Pengakuan ini dan menuliskan tarikhnya dibahagian kiri mukasurat 67 Buku Penyenaraian Rumah ini. Disebelah kanannya adalah untuk Penyelia.

Dengan ini telah selesailah kerja anda mengisi Buku Penyenaraian Rumah untuk Peringkat Kedua.

INGATAN: Mengisi Buku Penyenaraian Rumah bagi Kawasan-Kawasan yang Menjalankan Penghitungan Satu Peringkat sahaja

Bagi kawasan-kawasan tertentu (terutamanya kawasan-kawasan yang sukar untuk sampai), penghitungan hanya dilakukan pada satu peringkat sahaja; borang-borang perumahan dan penduduk (Borang 2, 3 dan 4) akan diisi pada satu temuramah sahaja. Penyelia anda akan memberitahu anda jika Blok Penghitungan anda itu akan diliputi dengan cara satu peringkat penghitungan ini.

Sekiranya B.P. anda itu di kendalikan secara satu peringkat penghitungan sahaja, cara untuk mengisi Buku Penyenaraian Rumah akan agak berbeza sedikit. Anda dikehendaki mengisi kedua-dua mukasurat yang berhubungan dengan Peringkat Pertama dan Kedua itu terus pada satu temuramah itu sahaja. Mukasurat 64 dan 65 yang merupakan ringkasan jumlah-jumlah dimukasurat hendaklah diisi terlebih dahulu sebelum anda menyerahkan Buku Penyenaraian Rumah anda itu kepada Penyelia anda. Anda juga dikehendaki menandatangani Pengakuan yang berkaitan dimukasurat 66 dan 67.

BAHAGIAN 4 : BORANG ISIRUMAH

TUJUAN BORANG ISIRUMAH (BORANG 3)

Borang 3 hendaklah digunakan untuk mengumpul maklumat mengenai tiap-tiap satu isirumah. Ianya merupakan satu borang di mana orang-orang dalam isirumah disenarikan. Dengan menyenaraikan seseorang, menyiasat samada mereka tidur di dalam isirumah itu pada Malam Banci, (malam 10 Jun dan awal pagi 11 Jun), dan dengan memberikan satu nombor perseorangan kepada mereka, anda adalah membuat persediaan untuk terus mengisi borang-borang perseorangan (Borang 4).

Borang isirumah juga mengutip maklumat mengenai penyewaan dan alat-alat isirumah dan pendapatan.

BILAKAH HENDAK MENGISI BORANG 3

Apabila anda melawat Tempat Kediaman semasa penghitungan perengkat kedua, anda akan memenuhi Ruangan 3 di dalam Buku Penyenaraian Rumah. Selepas itu anda hendaklah memenuhi Borang 3 (dan Borang-Borang 4 yang berkaitan) bagi tiap-tiap isirumah yang disenaraikan.

CARA-CARA HENDAK MENANDA BORANG

Lihat arahan-arahan di Bahagian 5.

ARAHAN PERGI

Lihat arahan-arahan di Bahagian 5.

“TIDAK ADA SESIAPA DI RUMAH”

Kejayaan Banci bergantung kepada bagaimana sempurnanya anda memenuhi borang-borang Banci itu. Anda harus berusaha untuk mendapatkan maklumat yang lengkap. Walau bagaimanapun, pada setengah-tengah keadaan anda akan dapati sukar untuk mendapatkan segala maklumat yang dikehendaki itu. Sebagai contohnya, seorang pelawat atau kawan yang berada di rumah itu pada Malam Banci tetapi telah pulang sebelum anda tiba di rumah itu untuk menjalankan pembancian. Suatu contoh lain ialah apabila anda masih lagi tidak dapat menemui seorang dewasa atau seorang anak muda walaupun anda telah membuat beberapa lawatan ke rumah itu. Untuk keterangan-keterangan lanjut, rujuk kepada Arahan-Arahan Am kepada Penghitung-Penghitung, Bahagian 5.2 dan 5.5.

Dalam keadaan ini, anda mestilah memenuhi borang walaupun keterangan yang anda dapat rekodkan sangat sedikit. Anda janganlah takut untuk merekodkan maklumat-maklumat yang *kurang tepat*. Sebagaimana yang anda fahami, perkara yang terpenting dalam banci ialah untuk menghitung kesemua orang-orang yang terdapat di negara ini. Oleh hal yang demikian, anda hendaklah mendapatkan maklumat tentang bilangan orang-orang yang tidur di dalam Tempat Kediaman pada Malam Banci tersebut.

SOALAN-SOALAN 1 - 2

1.(a) Negeri	(b) Daerah Pentadbiran	(c) Daerah Banci	(d) Nombor Lingkungan	(e) Blok Penghitungan	(f) Lokaliti (Sabah & Sarawak)	2. Alamat:
					
					

Soalan-soalan ini boleh diisi selepas anda menyelesaikan kerja pada hari itu. Alamat diambil dari Ruangan 4 Buku Penyenaraian Rumah. Apabila mengisi alamat, sila perhatikan supaya anda menulis dalam ruangan kotak yang dikhaskan untuk alamat. Jangan tulis dengan cuai. (Lihat Bahagian 6 – Kerja rumah).

(a) Tandakan dalam *Soalan 3* samada borang ini borang pertama atau borang kedua atau yang berikutnya. Anda akan dapat perhatikan bahawa terdapat ruangan yang cukup dalam tiap-tiap satu borang untuk menyenaraikan seramai dua puluh orang. Sekiranya terdapat lebih daripada dua puluh orang di dalam isirumah, maka anda dikehendaki menggunakan borang yang kedua untuk menyenarai baki bilangannya. Apabila menggunakan borang yang kedua, anda dikehendaki menandakan dalam kotak “Lembaran Kedua dan lebih” dan juga soalan-soalan 4 dan 5. Anda tidak perlu menunjukkan jumlah-jumlah dalam borang kedua yang digunakan ataupun menandakan soalan-soalan 17 – 21. Jumlah besar orang-orang dalam isirumah pada Malam Banci (pada malam 10 Jun dan awal pagi 11 Jun) hendaklah diisi dan ditandakan dalam borang pertama sahaja, iaitu soalan 17 dalam borang pertama akan menunjukkan jumlah termasuk orang-orang yang telah disenaraikan di dalam borang-borang berikutnya yang digunakan.

(b) Tulis dalam *Soalan-Soalan 4 dan 5*, nombor-nombor tempat kediaman dan isirumah dan kemudian tandakan di kotak-kotak yang disediakan. Nombor isirumah ialah nombor yang diberikan bagi isirumah di dalam Tempat Kediaman itu. Jika terdapat 2 atau lebih isirumah-isirumah di dalam Tempat Kediaman, dan anda sedang menemuduga isirumah yang kedua, anda hendaklah menandakan Kotak 2. Di dalam Tempat Kediaman yang mengandungi 10 isirumah atau lebih, bagi isirumah nombor 1 hingga 9, tuliskan nombor isirumah di Soalan 5 dan tandakan kotak-kotak berkenaan. Bagi isirumah yang bernombor 10 dan ke atas, tuliskan nombor isirumah sahaja di Soalan 5, jangan tandakan apa-apa kotak.

SOALAN 6

Dalam soalan 6, anda dikehendaki menyenaraikan nama-nama semua orang yang menjadi ahli isirumah ini. Masukkan kesemua orang-orang yang diberitahu oleh responden sebagai ahli isirumah tersebut. Tanya soalan-soalan seperti berikut:

- (a) Apakah nama ketua isirumah ini?
- (b) Apakah nama semua orang-orang lain dalam isirumah ini?

Isirumah adalah ditafsirkan sebagai satu kumpulan orang-orang yang tinggal bersama-sama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan lain-lain keperluan hidup. Orang-orang di dalam kumpulan ini mungkin bersaudara atau tidak atau gabungan kedua-duanya sekali. Isirumah mungkin mengandungi seorang sahaja ahli atau ianya mungkin merupakan sesuatu isirumah yang terdiri daripada ramai orang ahli.

Ketua Isirumah ialah seorang yang dianggap sedemikian oleh lain-lain ahli isirumah. Dalam beberapa kes, mungkin tidak jelas siapakah ketua isirumah (misalnya pelajar-pelajar yang berkongsi tempat tinggal yang sama dan masak bersama-sama). Dalam kes-kes sedemikian tidaklah menjadi hal siapakah yang menjadi ketua. Orang yang anda menemuduga itu mungkin merupakan pilihan yang paling senang sekali.

Anda dikehendaki menyenaraikan nama-nama ahli mengikut susunan seperti berikut:

1. Ketua isirumah
2. Isteri/suami ketua
3. Anak-anak ketua yang masih belum berkahwin, mengikut susunan umur dimulai dengan yang tertua
4. Anak lelaki/perempuan ketua yang sudah berkahwin disenaraikan mengikut susunan: suami/isteri, anak-anak
5. Ibu/bapa ketua atau ibu/bapa kepada isteri/suami ketua
6. Abang/kakak/adek ketua atau abang/kakak/adek isteri/suami ketua
7. Lain-lain orang yang bersaudara dengan ketua
8. Orang gaji, penumpang dan lain-lain orang yang tidak bersaudara dengan ketua

Anda dapat perhatikan bahawa keluarga ketua disenaraikan terlebih dahulu. Diikuti oleh lain-lain keluarga. Jika anak perempuan ketua sudah berkahwin dan tinggal di dalam isirumah tersebut bersama-sama suami dan anak-anaknya, senaraikan dia bersama-sama suami dan anak-anaknya dan bukan sebagai anak kepada ketua.

Dalam kes di mana dua orang isteri ketua isirumah berserta anak-anaknya tinggal di dalam isirumah yang sama, cara penyenaian berikut hendaklah di ikuti:

- Ketua isirumah
- Isteri pertama
- Anak-anak isteri pertama
- Isteri kedua
- Anak-anak isteri kedua

Jika terdapat pasangan-pasangan yang telah berkahwin atau orang-orang yang bersaudara di dalam kumpulan susunan penyenaian 6 ke 8, mereka hendaklah disenaraikan mengikut susunan seperti mana yang di tunjukkan untuk keluarga anak-anak yang telah berkahwin (4). Sila pastikan bahawa anda memasukkan kanak-kanak, walau bagaimana muda sekalipun, yang tinggal di dalam yunit tersebut dengan memberi perhatian khas kepada bayi-bayi. Jika ada bayi-bayi yang baharu sahaja dilahirkan tanpa nama, senaraikan mereka sebagai: "bayi kepada"

Penyenaraian di atas adalah untuk *satu* isirumah sahaja sebagaimana yang telah ditakrifkan sebelum ini. Dengan itu apabila anda menemui kumpulan keluarga kedua atau mereka-mereka yang tidak bersaudara semasa penyenaraian, tanyakan peraturan makan dan tempat tinggal sebelum membuat penyenaraian selanjutnya. Mereka hendaklah dianggap sebagai isirumah yang berasingan jika mereka mempunyai peraturan makan dan tempat tinggal tersendiri, misalnya memasak secara berasingan.

SOALAN 7

Ketua isirumah adalah ditandakan di baris yang pertama di sisi nama orang yang dianggap sedemikian. Semasa menyenaraikan nama-nama semua ahli yang lain tentukan perkaitan yang tepat tiap-tiap seorang dengan ketua dengan bertanya: “Apakah perkaitan dengan ketua isirumah?”. Tuliskan perkaitannya di atas garisan bagi tiap-tiap seorang – misalnya suami/isteri ketua, anak lelaki, anak perempuan, anak angkat, menantu perempuan, emak saudara, bapa saudara, anak saudara, cucu perempuan, orang gaji dan sebagainya. Pada perengkat temuduga ini, anda tidak perlu merujuk kepada Kad Kod Untuk Penghitung [Borang 14(a)/14(b)/14(c)] yang juga memberikan kod perkaitan dengan ketua isirumah bagi Soalan 3 untuk Borang Persaorangan. Bagi Soalan 7 di dalam Borang Isirumah anda hanya perlu merekodkan apa yang dinyatakan oleh responden mengenai perkaitan ahli-ahli kepada ketua.

Dalam kes-kes di mana terdapat dua atau lebih orang yang tidak bersaudara yang tinggal bersama-sama dalam satu isirumah, gelarkan salah seorang daripada mereka sebagai *Ketua* dan lain-lain ahli sebagai *pihak berkongsi* atau *kawan-kawan*.

SOALAN 8

Ini ialah satu soalan yang mudah. Nyatakan jantina tiap-tiap seorang dengan huruf L untuk orang lelaki dan P untuk orang perempuan.

SOALAN–SOALAN 9 - 10

9. Berada di pada malam Banci (✓)	10. Nombor Perseorangan

SOALAN 9

Anda dikehendaki menyatakan dalam ruangan ini, ahli-ahli isirumah yang tidur dalam Tempat Kediaman pada Malam Banci (iaitu pada malam 10 Jun dan awal pagi 11 Jun).

Bagi tiap-tiap seorang yang disenaraikan dalam Soalan 6 tanyalah dimanakah mereka tidur pada Malam Banci. Jika mereka tidur dalam Tempat Kediaman ini, maka anda hendaklah menandakan ✓ dalam Soalan 9.

Pada Peringkat temuduga ini, anda hendaklah bertanya kepada Responden senarai orang-orang yang tidur bersama-sama isirumah ini pada Malam Banci. Semasa Kempen Pablisiti Banci, orang ramai telah pun diminta supaya merekodkan nama-nama orang yang akan tidur di Tempat Kediaman pada Malam Banci. Dengan demikian, anda hendaklah menyemak senarai yang telah dibuat di Soalan 9 dengan senarai nama-nama yang telah direkodkan oleh Responden. Jika terdapat perbezaan-perbezaan, ianya hendaklah dibetulkan dengan Responden.

Kes-kes khas yang berikut patut diberi perhatian:-

- (a) Mana-mana ahli isirumah yang tidak berada dalam isirumah pada Malam Banci kerana *biasa* bekerja malam atau bertugas pada waktu malam hendaklah ditandakan ✓ dalam Soalan 9. Misalnya, ahli-ahli Rukun Tetangga yang sedang menjalankan tugas, pekerja-pekerja syif malam seperti Jururawat-jururawat, pekerja kilang, jaga dan lain-lain.
- (b) Jika seorang ahli isirumah tidak berada dalam isirumah, untuk beberapa hari dan tidak akan dihitung di tempat lain, beliau hendaklah ditandakan ✓ dalam Soalan 9 umpamanya beliau telah keluar ke laut untuk menangkap ikan atau bekerja di dalam hutan (misalnya mengutip kayu api, hasil-hasil hutan).
- (c) Bayi-bayi yang dilahirkan *sebelum* tengahmalam Malam Banci hendaklah ditandakan ✓ dan bayi-bayi yang dilahirkan selepas tengahmalam tidak boleh ditandakan sedemikian.
- (d) Orang-orang yang meninggal dunia sebelum tengahmalam Malam Banci janganlah disenaraikan dalam Soalan 6. Sekiranya mereka telah disenaraikan, maka nama mereka hendaklah dibatalkan.
- (e) Orang-orang yang meninggal selepas tengahmalam hendaklah disenaraikan dalam Soalan 6 dan hendaklah ditandakan ✓ dalam Soalan 9. Tentukan bahawa orang-orang yang meninggal selepas tengahmalam adalah dimasukkan dalam Banci. Banci adalah mengiri tiap-tiap seorang yang hidup pada tengahmalam Malam Banci, June 10/11.
- (f) Ingatlah sesiapa yang menunjukkan pas penghitung tidak akan ditandakan ✓ di Soalan 9.

Setelah anda menandakan orang-orang yang tidur didalam Tempat Kediaman pada Malam Banci, semaklah bahawa orang yang namanya dianggap sebagai ketua isirumah mempunyai tanda (✓) di ruangan ini. Jika ketua isirumah itu tidak mempunyai tanda (✓) didalam ruangan ini, anda hendaklah bertanya kepada Responden sesiapa yang dapat digantikan sebagai ketua isirumah dari senarai orang-orang yang mempunyai tanda (✓). Dengan keterangan-keterangan yang baru ini, anda hendaklah menamakan orang yang baru itu sebagai ketua isirumah dan meminda semua perkaitan-perkaitannya mengikut ketua isirumah yang baru.

SOALAN 10

Dalam ruangan ini, anda dikehendaki memberi nombor mengikut siri (bermula dari 001) bagi semua orang yang mempunyai tanda ✓ didalam Soalan 9. Nombor ini disebutkan nombor Perseorangan.

SOALAN 11

11. Kira tanda-tanda (✓) dalam 9 dan catitkan jumlahnya	Lelaki	Perempuan	Jumlah

Kirakan tanda-tanda (✓) di Soalan 9 dan tuliskan bilangan lelaki, perempuan dan jumlah orang di kotak-kotak yang berkenaan, dalam Soalan 11.

SOALAN-SOALAN 12 - 14

12. Senaraikan nama-nama kawan atau lain-lain pelawat yang tidur di sini pada Malam Banci	13. Jantina	14. Nombor Perseorangan

SOALAN 12

Ada kemungkinan lain-lain orang, selain daripada ahli-ahli biasa isirumah tidur di dalam isirumah pada Malam Banci. Dalam Soalan 12, anda dikehendaki menyenaraikan nama-nama kawan atau lain-lain pelawat yang tidur di dalam Tempat Kediaman pada Malam Banci. Sila ambil ingatan bahawa pelawat-pelawat mungkin atau tidak bersaudara dengan ketua Isirumah. Anda mesti *menyoal* khusus mengenai rakan-rakan dan pelawat-pelawat. Pelawat-pelawat ini mesti disenaraikan bersama-sama dengan isirumah yang dilawati oleh mereka.

Sila tentukan supaya mereka ini tidak dimasukkan dalam penyenaian Soalan 6 secara silap. Jika demikian, anda dikehendaki membatalkan nama mereka di dalam Soalan 6 dan memasukkan mereka pula dalam Soalan 12.

SOALAN 13

Nyatakan jantina tiap-tiap seorang pelawat dalam Soalan 13, dengan menggunakan huruf-huruf L atau P.

SOALAN 14

Beri nombor kepada semua orang pelawat mengikut siri, bersambung darimana anda tinggalkan dalam Soalan 10.

15. Jumlah Pelawat-Pelawat dari 13	Lelaki	Perempuan	Jumlah
16. JUMLAH BESAR (11 + 15)	Lelaki	Perempuan	Jumlah

17. JUMLAH BESAR

r	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9
p	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9
y	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9

SOALAN 15

Kira jumlah bilangan pelawat-pelawat dari Soalan 13 dan tulis bilangan lelaki, perempuan dan jumlah orang di kotak-kotak yang berkenaan.

SOALAN-SOALAN 16 – 17

Campurkan jumlah-jumlah dalam Soalan-Soalan 11 dan 15 untuk mendapatkan satu jumlah besar bagi semua orang yang telah berada dalam isirumah pada Malam Banci. Semak jumlah ini dengan responden. Tandakan kotak-kotak yang berkenaan di Soalan 17 untuk menunjukkan jumlah besar (jumlah lelaki campur perempuan).

SOALAN-SOALAN 18 – 20

Soalan-soalan 18, 19 dan 20 hendaklah ditanya kepada isirumah-isirumah yang mendiami Tempat Kediaman yang mempunyai kod-kod 1 hingga 17 sahaja. Kod-kod Tempat Kediaman adalah didapati dari Banci Perumahan dan ditunjukkan didalam Buku Penyeneraian Rumah (Perengkat 1) – Ruangan 2.

SOALAN 18

18 (a) Adakah anda membayar sewa untuk tempat kediaman anda?

Ya

☐

(Pergi ke 19)

Tidak

☐

(b) Adakah isirumah ini memiliki unit perumahan ini?

Ya

☐

Tidak

☐

Soalan 18 hendaklah ditanya mengikut soalan yang diberikan. Jika responden menjawab *ya* pada Soalan 18(a), iaitu jika isirumah tersebut menyewa untuk tempat kediamannya, anda hendaklah menandakan *ya* dan lompat ke Soalan 19. Anda hanya perlu menyoal Soalan 18(b), jika mereka menjawab *tidak* kepada Soalan 18(a).

Dalam Soalan 18(b), tandakan *ya* jika yunit perumahan itu adalah dimiliki oleh isirumah yang anda temuduga. Ini termasuk isirumah-isirumah yang sedang membayar ansuran-ansuran bagi belian yunit tersebut. Jika terdapat lain-lain cara untuk kediaman, seperti rumah percuma, tandakan *tidak*.

SOALAN 19

19. Adakah isirumah anda mempunyai perkara-perkara yang disebutkan dibawah ini?

Motokar	1 <input type="checkbox"/>	2 <input type="checkbox"/>	3 <input type="checkbox"/>	4+ <input type="checkbox"/>							
Land Rover/Van	1 <input type="checkbox"/>	2 <input type="checkbox"/>	3 <input type="checkbox"/>	4+ <input type="checkbox"/>							
Motosikal/Skuter	1 <input type="checkbox"/>	2 <input type="checkbox"/>	3 <input type="checkbox"/>	4+ <input type="checkbox"/>							
Basikal	1 <input type="checkbox"/>	2 <input type="checkbox"/>	3 <input type="checkbox"/>	4+ <input type="checkbox"/>							
Radio	<input type="checkbox"/>	TV Hitam/Puteh	<input type="checkbox"/>	TV Warna	<input type="checkbox"/>	Telefon	<input type="checkbox"/>	Surat Khabar	<input type="checkbox"/>	Mesin Jahit	<input type="checkbox"/>
Seterika Letrik	<input type="checkbox"/>	Kipas Letrik	<input type="checkbox"/>	Peti Sejuk	<input type="checkbox"/>	Penghawa Dingin	<input type="checkbox"/>	Alat Pemanas Air	<input type="checkbox"/>	Piano/Organ	<input type="checkbox"/>
Jam	<input type="checkbox"/>	Bot Bermotor	<input type="checkbox"/>	Bot tidak Bermotor	<input type="checkbox"/>	Tidak ada yang tersebut di atas	<input type="checkbox"/>				

Soalan ini hendaklah ditanya seperti berikut: “Adakah isirumah anda mempunyai perkara-perkara yang disebutkan di bawah ini?”.

Jawapan yang berbagai-bagai adalah dibenarkan di dalam soalan ini. Apabila responden mengatakan *ya* bagi mana-mana barang yang tersebut diatas, tandakan kotak yang berkenaan. Isirumah di anggap memiliki barang-barang tersebut walaupun barang-barang itu hanya disewa atau dibeli secara ansuran dan masih belum dijelaskan sepenuhnya.

Sila ambil perhatian mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) Dalam kes motokar, “Land rover/van”, motosikal/skuter dan basikal, tanya responden bilangan yang dimilikinya dan tanda kotak yang berkenaan.
- (b) Sesebuah radio transistor adalah dianggap sebagai sebuah radio.

- (c) Set stereo yang mempunyai radio hendaklah dianggap sebagai radio. Sebaliknya jika set stereo berkenaan tidak mempunyai radio janganlah diambil kira sebagai radio.
- (d) Radio kereta, alat-alat piring hitam dan alat-alat keset tidak boleh disifatkan sebagai radio.
- (e) Jam tangan tidak boleh dimasukkan sebagai Jam.
- (f) Mesin-mesin jahit, adalah termasuk mesin-mesin jahit tanpa letrik dan juga letrik.
- (g) Surat khabar adalah barang yang dilanggan secara tetap samada harian atau mingguan.
- (h) Adalah mustahak bagi anda memasukkan hanya kenderaan-kenderaan yang digunakan untuk kegunaan persendirian dan bukan untuk tujuan perniagaan.
- (i) Jika alat-alat berkenaan telah rosak atau tidak boleh digunakan langsung, ianya hendaklah jangan dimasukkan. Walau bagaimanapun jika alat-alat berkenaan hanya mengalami kerosakan sementara ianya hendaklah di ambil kira.

SOALAN 20

20. Kelas pendapatan yang manakah di bawah ini yang dapat menggambarkan pendapatan bulanan isirumah anda? Masukkan pendapatan semua penerima-penerima pendapatan bagi isirumah ini (Tunjukkan Kad Kelas Pendapatan dan bacakan arahan kepada responden).

Kurang dari \$ 50	\$ 50 - \$ 99	\$ 100 - \$ 149	\$ 150 - \$ 299	\$ 300 - \$ 599	\$ 600 - \$ 999	\$ 1,000 - \$ 1,999	\$ 2,000 - \$ 4,999	\$ 5,000 dan ke atas
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(Soalan ini hendaklah ditanya setelah semua borang perseorangan dalam isirumah ini telah dilengkapi).

Soalan 20 cuba mendapatkan maklumat purata kelas pendapatan bulanan isirumah responden. Pendapatan ini ialah pendapatan bagi mereka-mereka yang menjadi ahli biasa sesuatu isirumah tidak termasuk pendapatan bagi pelawat-pelawat. *Soalan ini mestilah soalan yang penghabisan dalam temuduga.* Anda hendaklah menyoal semua soalan-soalan dalam borang isirumah, kecuali Soalan 20 dan kemudian terus pergi ke borang perseorangan (Borang 4) dan apabila anda telah siap semua soalan-soalan perseorangan yang dikehendaki bagi isirumah, baharulah anda menyoal Soalan 20. Selepas anda menanya Soalan 20 kepada responden, anda mesti juga membacakan ingatan-ingatan bagi soalan ini seperti yang terdapat di dalam Kad Kod Untuk Penghitug [Borang 14(a)/14(b)/14(c)]. Ingatan-ingatan ini memberi beberapa panduan kepada responden atas apakah perkara-perkara yang mesti dimasukkan untuk mendapatkan anggaran pendapatan isirumahnya. Konsep pendapatan isirumah yang terperinci adalah sangat rumit, dan untuk tujuan-tujuan Banci, tidak mungkin dapat diteliti kesemuanya. Di bawah ini, kami bentangkan perkara-perkara penting yang memberi anda maklumat yang cukup, untuk membolehkan anda menerangkan dan menolong responden dalam menganggarkan kelas pendapatan isirumahnya:-

- (a) Bagi tujuan-tujuan Banci, anggaran pendapatan isirumah hendaklah berasaskan purata pendapatan bulanan isirumah dalam masa 12 bulan yang lalu.
- (b) Pendapatan isirumah hendaklah termasuk kedua-dua pendapatan tunai dan bukan tunai. Perkara-perkara di bawah hendaklah dimasukkan:
 - (1) Gaji dan upahan (sebelum potongan-potongan untuk cukai pendapatan, KWSP, lain-lain dan hendaklah memasukkan elaun-elaun, bonos-bonos, tip-tip, bayaran-bayaran kerja-tambahan masa, dan nilai kewangan kemudahan bagi makanan dan tempat tinggal percuma).
 - (2) Pendapatan bersih dari kerja sendirian (dari perniagaan-perniagaan atau kebun-kebun pertanian).
 - (3) Pendapatan dari harta (misalnya faedah, dividen-dividen, sewa bersih dari tanah pertanian dan lain-lain tanah).
 - (4) Penerimaan-penerimaan pindahan (misalnya royalti, pencen, elaun-elaun untuk penanggungan isteri, biasiswa-biasiswa dan lain-lain wang bantuan).
 - (5) Nilai Kewangan bagi kegunaan sendiri dari tanaman-tanaman, buah-buahan, ternakan dan pemeliharaan binatang-binatang ladang dan dari stok perniagaan.
 - (6) Makanan dan penginapan percuma.
 - (7) Nilai sewaan rumah sendiri jika tinggal di rumah sendiri.
- (c) Bagi tujuan-tujuan Banci, pendapatan isirumah termasuk pendapatan yang dihasilkan oleh semua ahli isirumah yang biasanya menghasilkan pendapatan.
- (d) Pendapatan untuk tujuan-tujuan Banci ini bermaksud *pendapatan yang dihasilkan*. Dengan lain-lain perkataan pendapatan yang dihasilkan oleh isirumah dalam masa 12 bulan yang lalu yang mungkin atau tidak telah diterima oleh isirumah, hendaklah dimasukkan.
- (e) Dalam menganggarkan pendapatan bersih dari kerja sendirian iaitu dari perniagaan atau kebun-kebun pertanian dimana perniagaan berbentuk pengkongsian atau dalam kes perkongsian kebun pertanian, bahagian pendapatan perniagaan yang dihasilkan oleh hanya ahli-ahli isirumah sahaja yang mesti dimasukkan.

SOALAN 21

21. Kod T.K.

1

2

3

4

5

6

7

8

9

10

11

12

1

2

3

4

5

6

7

8

9

10

11

12

Anda dikehendaki menanda kod jenis Tempat Kediaman sebagai sebahagian kerja-rumah anda.

BAHAGIAN 5 : BORANG PERSEORANGAN

TUJUAN BORANG PERSEORANGAN (BORANG 4)

Borang ini hendaklah digunakan untuk mencatat maklumat seseorang. Satu Borang Perseorangan yang berasingan mestilah di isi bagi tiap-tiap seseorang yang disenaraikan dalam Borang Isirumah (Borang 3) sebagai orang-orang yang tidur di dalam isirumah pada malam Banci, iaitu mereka yang telah ditandakan 'tick' dalam Soalan 9 dan yang disenaraikan dalam Soalan 12 di atas Borang 3.

Sila ambil perhatian bahawa anda tidak perlu mengisi Borang Perseorangan bagi kategori-kategori orang yang berikut: Orang yang menginap di hotel-hotel besar, di hospital-hospital sakit otak, di penjara-penjara, pengembara-pengembara yang menggunakan jalan atau Keretapi, orang-orang yang berada di laut dan orang-orang yang tidak mempunyai rumah. Mereka ini akan dihitung dengan menggunakan Borang 33.

BILAKAH HENDAK MENGISIKAN BORANG PERSEORANGAN

Selepas sahaja anda menyiapkan Soalan 19 di atas Borang Isirumah bagi isirumah anda hendaklah memulakan mengisi Borang Perseorangan. Kerjalah secara lojik. Rujuk kepada Soalan-Soalan 10 dan 14 dalam Borang Isirumah. Isikan dengan lengkap satu Borang Perseorangan bagi tiap-tiap seorang yang anda telah berikan nombor mengikut siri.

Setelah mengisi Borang Perseorangan yang terakhir bagi tiap-tiap isirumah, anda hendaklah tanya-kan Soalan 20 Borang Isirumah.

FORMAT BORANG PERSEORANGAN

Borang Perseorangan dibagikan kepada dua bahagian. Soalan-Soalan 1 – 24 hendaklah ditanya kepada semua orang tidak kira umur. Akan tetapi Soalan-Soalan 25 – 44 hendaklah ditanyakan pada orang-orang yang berumur 10 tahun dan ke atas sahaja.

Anda hendaklah mulakan dari Soalan-Soalan 4 – 6 samada atau tidak orang itu berumur 10 tahun dan ke atas. Sekiranya orang itu kurang dari umur 10 tahun, temuduga anda bagi orang itu hendaklah tamat pada Soalan 24.

BAGAIMANA HENDAK MENANDA BORANG

Beberapa soalan memerlukan anda menulis keterangan dengan perkataan-perkataan. Contoh-contoh adalah seperti Soalan-Soalan 32 – 33 dan 34. Soalan-Soalan yang menjadi **tumpuan khas** adalah Soalan-Soalan yang memerlukan anda menanda di dalam kotak/kotak-kotak yang berkenaan. Apabila membuat tanda-tanda ini adalah mustahak membuatnya dengan *kemas dan jelas*. Sekiranya tanda-tanda ini dibuat dengan tidak kemas borang anda tidak akan dapat dibaca oleh komputer di Kuala Lumpur. Semasa tempuh latihan anda (temuduga tauladan), anda akan diberi kesempatan untuk berlatih menandakan borang-borang. Walaubagaimanapun, adalah penting bagi anda mengingatkan beberapa peraturan asas:

- (i) Sebelum membuat apa-apa tanda di atas borang, anda hendaklah meletakkan borang itu di atas fail kotak dan semat dengan kelip. Ini akan memberi anda pengalas yang kukuh.
- (ii) Pensil anda hendaklah *betul-betul tajam*. Anda akan dapati bahawa hasil-hasil yang terbaik akan diperolehi jika anda memusing-musingkan pensil kerap kali supaya mata pensil itu tidak menjadi ‘tumpul’ pada sesuatu bahagian yang tertentu. Akan tetapi, jagalah apabila mengasah pensil supaya tidak ditekan terlalu kuat sehingga patah.
- (iii) Anda dikehendaki *menanda dengan sepenuhnya* kotak empatsegi bujur. Beberapa gerakan pensil adalah mencukupi.
- (iv) Anda dikehendaki *menanda perlahan-lahan dengan teliti*. Janganlah menggariskan pensil dengan cepat di dalam ruangan kotak itu.
- (v) Janganlah memanjangkan tanda itu hingga termasuk kedalam kotak yang disebelahnya disebabkan oleh kelalaian menanda.
- (vi) Sekiranya anda membuat kesilapan dan menanda kotak yang salah, anda hendaklah memadam tanda itu dengan menggunakan pemadam yang disediakan. Jangan memotong tanda itu. Tanda itu hendaklah dipadam dan kemudian ditandakan pula kotak yang betul.
- (vii) Setelah anda melengkapkan borang itu, buka sematan kelip dan masukkan borang ke dalam fail kotak. Berhati-hati apabila anda membuka sematan kelip supaya borang itu tidak rosak atau koyak disebelah atas.

ARAHAN “PERGI”

Beberapa buah kotak dan soalan di dalam Borang Perseorangan mempunyai arahan-arahan yang menyatakan (“Pergi ke”). Maksud arahan ini adalah untuk menghalang anda dari mengemukakan soalan-soalan yang dianggap tidak perlu.

Sesuatu arahan “pergi ke . . .” bermakna bahawa setelah anda tanda kotak itu, anda dikehendaki mengemukakan soalan yang berikut sebagaimana yang tercatat di arahan “pergi ke.” Sebagai contoh di Soalan 11, jika anda telah menanda kotak “Tidak” anda harus mengenepikan Soalan-Soalan 12 – 13 dan terus ke Soalan 14.

Sekiranya tidak ada arahan-arahan “Pergi ke”, anda hendaklah beralih terus ke Soalan yang berikut. Sebagai contoh di Soalan 7 tidak ada arahan-arahan “pergi ke.” Setelah menanda soalan ini, anda hendaklah beralih ke Soalan 8.

KAD KOD PENGHITUNG

Terdapat beberapa soalan yang memerlukan anda merujuk kepada Kad Kod Penghitung (Borang 14(a)/14(b)/14(c)) untuk membolehkan anda mengetahui akan kod-kod yang betul bagi menanda kotak-kotak. Tiga kad kod yang berasingan adalah untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak masing-masing. Ia akan digunakan untuk mendapat maklumat bagi Soalan 3 (Perkaitan dengan Ketua Isirumah), Soalan 5 dan 6 (Umur), Soalan 7 (Kumpulan Keturunan), Soalan 12 (Pelajaran), Soalan 15 (Latihan Vokesyenal), Soalan 23 (Sebab Perpindahan) dan Soalan 30 (Sebab tidak mencari pekerjaan) di dalam Borang Perseorangan.

KOTAK-KOTAK PENGENALAN

Negeri	
Daerah Pentadbiran	
Daerah Banci	
No. Lingkungan	
Blok Penghitungan	
Lokaliti (Sabah dan Sarawak)	
MULAKAN TEMUDUGA DI SINI	
No. Tempat Kediaman	
No. Isirumah	
No. Perseorangan	

Sebagai sebahagian kerjarumah anda isikan kod-kod pengenalan – Negeri, Daerah Pentadbiran, Daerah Banci, No. Lingkungan, Blok Penghitungan dan Lokaliti (Sabah dan Sarawak sahaja) – (Lihat Bahagian 6 – Kerjarumah).

Ketiga-tiga kotak yang di bawah ini ‘MULAKAN TEMUDUGA DI SINI’ adalah perkara-perkara yang anda harus penuhi semasa temuduga. Kesemua perkara ini boleh diperolehi dari Borang Isirumah iaitu No. Tempat Kediaman dari Soalan 4, No. Isirumah dari Soalan 5 dan Nombor Perseorangan dari Soalan 10 dan 14.

SOALAN-SOALAN 1 – 3

1.	Nama				
2.	Jantina	Lelaki		Perempuan	
3.	Perkaitan dengan Ketua Isirumah	01	02	03	04
		05	06	07	08
		09	10	11	

SOALAN-SOALAN 1 – 3

Soalan-Soalan ini mudah sahaja. Maklumat ini tersedia ada dalam Borang Isirumah tetapi hendaklah ditanya sekali lagi untuk semakan.

Bagi Soalan 2, tandakan kotak yang sesuai, samada seseorang itu lelaki atau perempuan.

Pada Soalan 3, anda dikehendaki memindahkan maklumat perkaitan dengan Ketua Isirumah dari Kolom 7 di Borang 3 dan mereka yang disenaraikan di Kolom 12 iaitu pelawat-pelawat bagi isirumah. Di tempat yang pertama tulislah perkaitan sebagaimana yang diberi di Kolom 7 di Borang 3 di atas garisan yang ada di Soalan 3.

Kemudian anda dikehendaki menandakan kotak kod dengan kod perkaitan. Rujuk kepada senarai kod-kod yang disediakan di dalam Kad Kod Penghitung (Borang 14(a)/14(b)/14(c)). Gunakan pemikiran yang teliti pada kod-kod yang anda berikan. Tidak semua jenis perkaitan ada disediakan kod yang khas kerana ada diantaranya mungkin disatukan. Misalan 'bapa saudara' atau 'anak saudara perempuan' ketua, akan diberi kedua-duanya kod 09 (Orang-orang lain yang bersaudara dengan Ketua). Seorang 'kawan' atau 'orang gaji' akan diberi kod 10 (Orang-orang lain yang tidak bersaudara dengan Ketua).

Dalam hal pelawat-pelawat isirumah (Orang-orang yang disenaraikan dalam Soalan 12 Borang Isirumah), mereka akan diberi kod 11 walaupun pelawat itu bersaudara dengan Ketua Isirumah.

Juga hendaklah diingat bahawa ada kemungkinan lebih dari seorang ahli isirumah mempunyai satu kod yang tertentu. Misalan, jika Ketua mempunyai 4 orang anak yang belum berkahwin, mereka semua akan diberi Kod 03.

SOALAN-SOALAN 4 – 6

4. Berapakah umur anda?

Tahun genap

Bulan sejak hari jadi yang akhir ke Hari Banci (11hb. Jun, 1980)

010203040506070809

p

010203040506070809

y

5. Apakah tarikh lahir anda?

Sebelum 11hb.

11hb/Selepas 11hb.

Hari

Bulan

Tahun

010203040506070809101112

12

p

12

y

6. Apakah tarikh lahir anda mengikut Takwim China?

Hari

Bulan

Tahun

Soalan-Soalan 4 – 6 adalah berkaitan dengan umur seseorang. Umur bolehlah dikatakan maklumat yang paling penting bagi seseorang. Oleh itu, adalah berfaedah bagi anda menggunakan sedikit masa yang lebih untuk mendapatkan maklumat seberapa yang boleh.

18

SOALAN 4

Maklumat yang dikehendaki bagi Soalan 4 ialah *umur dalam tahun genap*, dan bilangan bulan diantara harijadi seseorang yang akhir dengan Hari Banci. Catitkan maklumat umur dalam tahun genap dan bilangan bulan dari harijadi yang akhir di atas garis-garis yang disediakan. Jika seseorang itu kurang dari 1 tahun, catitkan umur sebagai '00' tahun. Jika seseorang itu berumur 100 tahun atau lebih, kita anggap ia berumur '99' tahun kerana umur ini adalah umur yang paling tinggi anda akan catitkan.

Bagi orang-orang yang lebih tua dan mereka yang kurang berpelajaran, kesulitan akan timbul pada soalan ini. Jika ia mempunyai Kad Pengenalan (atau dokumen-dokumen lain) yang mudah didapati, ia boleh menggunakannya untuk menjawab soalan.

Jika maklumat 'umur dalam tahun genap' tidak boleh diperolehi dengan soalan terus-terang, maklumat masih boleh diperolehi dengan soalan-soalan mendalam, misalan, dengan menyatakan beberapa peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan seseorang seperti berapa tahun telah berkahwin, berapa tahun telah tinggal di Kampung ini dan lain-lain.

Satu kalendar yang mengandungi beberapa peristiwa penting yang bersejarah juga disediakan untuk anda (lihat Borang 14(a)/14(b)/14(c)). Jika anda menghubungkan beberapa peristiwa penting dalam kehidupan seseorang dengan satu peristiwa di kalendar itu, anda mungkin dapat membuat tekaan umur seseorang dengan menasabah. Satu contoh yang mudah adalah seperti berikut:

Anda bertanya seorang perempuan samada ia telah berkahwin sebelum orang-orang Jepun datang. Mungkin ia akan mengatakan bahawa ia berkahwin selepas sahaja mereka pergi. Anda kemudiannya boleh bertanya lagi samada ia masih muda semasa berkahwin. Ia mungkin memberitahu anda bahawa umurnya ialah kira-kira 20 tahun pada tahun 1945. Oleh itu umurnya sekarang (pada tahun 1980) tentulah lebih kurang 55 tahun.

Kiraan yang lebih baik boleh dibuat jika anda tahu umur anaknya yang sulung.

Anda boleh meminta seseorang untuk menunjukkan berapakah umur beliau pada masa sesuatu peristiwa pada kalendar anda. Beliau boleh berbuat demikian dengan menunjukkan seorang kanak-kanak yang seakan-akan sebaya dengannya pada masa itu. Jika ia berumur kira-kira 10 tahun (katakan) pada tahun 1930, ia mesti berumur lebih kurang 60 tahun pada tahun 1980.

Sebagai cara yang terakhir, anda boleh membuat satu tekaan dengan menggunakan rupa pemberitahu (responden) dan rupa atau umur saudara yang diketahui sebagai satu panduan.

Dalam apa keadaan pun, anda tidak boleh tinggalkan Soalan 4 kosong. Bagaimanapun, apabila maklumat mengenai bilangan bulan tidak dapat diperolehi ia boleh ditinggalkan kosong sahaja. Akan tetapi, anda pasti ingat bahawa maklumat mengenai tahun-tahun genap mesti diperolehi dalam semua kes. Selepas menulis umur dalam tahun genap, anda juga hendaklah menandakan kotak-kotak kod untuk soalan ini. Oleh kerana hanya 2 dijit sahaja dalam kes ini, anda mesti tanda dijit yang pertama dibarisan 'p' dan dijit yang kedua dibarisan 'y'. Mereka yang berumur di bawah 10 tahun mestilah mempunyai tanda '0' di kotak barisan 'p'. Oleh yang demikian, umur sembilan adalah ditanda sebagai '09', umur enam ditanda sebagai '06' dan seterusnya.

SOALAN 5

Maklumat mengenai tarikh kelahiran tiap-tiap seorang di dalam isirumah boleh didapati dari dokumen-dokumen seperti kad pengenalan, sijil beranak dan sebagainya atau terus daripada responden. Dalam beberapa kes, responden mungkin mengetahui umurnya tetapi tidak tahu akan tahun kelahirannya. Dalam kes sedemikian, hitunglah tarikh (tahun kelahiran) dari umur yang telah diberikan. Catitkan maklumat hari, bulan dan tahun di atas garis-garis yang disediakan.

Kadang-kala responden membantah tarikh kelahiran yang diberikan dalam dokumen-dokumen dan sebaliknya memberi satu tarikh lain yang dipercayai betul olehnya. Dalam kes ini, masukkan tarikh kelahiran seperti yang diberikan oleh beliau. (Akan tetapi, umur seseorang mesti bersesuaian dengan tarikh kelahirannya jika umur diperolehi dari tarikh dalam dokumen). Sekiranya orang itu tidak mempunyai apa-apa dokumen dan tidak tahu tarikh kelahirannya, anda tidak akan dapat mencatat jawapan ini dengan lengkap. Apabila sahaja anda dapati tarikh kelahiran, tandakan kotak kod yang disediakan.

Ada 3 cara untuk menandakan tarikh kelahiran:

- 1. Pertama, jika *hari* diberi, semak samada ia sebelum 11hb. atau 11hb. ataupun selepas 11hb. Jika ia sebelum 11hb. tandakan di kotak yang menunjukkan "Sebelum 11hb." dan jika ia selepas 11hb. tandakan di kotak "11hb./selepas 11hb."
- 2. Kedua, tandakan *bulan* di kotak yang berkenaan yang dinomborkan dari 1 hingga 12. Oleh itu jika seseorang dilahirkan dalam bulan April, tandakan kotak '04' kerana ini adalah bulan yang keempat dalam sesuatu tahun.
- 3. Ketiga, tandakan *tahun* kelahiran. Anda hanya tanda 2 digit yang terakhir bagi tahun misalan '49' dan bukan '1949'. Walaupun bagi orang-orang yang dilahirkan dalam abad yang lalu (iaitu tahun kelapan puluhan), anda patut tidak hiraukan dua dijit yang pertama dan hanya memerhatikan dua dijit yang terakhir. Misalan jika seorang responden dilahirkan dalam tahun 1895, kotak-kotak 9 dan 5 hendaklah ditandakan. Ingat bahawa ada dua baris kotak-kotak kod satu bagi dijit yang pertama dan lagi satu bagi dijit yang kedua.

SOALAN 6

Sekiranya seseorang itu berketurunan China dan Soalan 5 tidak diperolehi dengan lengkapnya, maklumat tambahan perlu didapati berdasarkan kepada takwim China. Cuba dapatkan jawapan dengan seberapa tepat yang boleh. Binatang-binatang dalam peredaran dua belas tahun dan perkataan-perkataan persamaannya dalam Bahasa China boleh didapati dalam Kad Kod (Borang 14(a)/14(b)/14(c)). Tulis jawapan di ruangan yang disediakan.

Tuliskan kod keturunan dalam kotak-kotak yang disediakan dan tuliskan kumpulan keturunan disepanjang garisan bertanda.

SOALAN 7

7. Apakah kumpulan keturunan, komuniti atau loghat anda?

0123

p

0123456789

y

20

SOALAN 7

Istilah ‘kumpulan keturunan’ ialah sekumpulan orang yang terikat bersama-sama oleh hubungan bahasa, ugama, adat resam yang sama dan sebagainya.

Tanyalah soalan ini seperti yang diberikan dan jangan membuat apa-apa sangkaan sahaja. Secara amnya, terima jawapan yang diberi kecuali jika benar-benar dianggap mustahil. Pilihlah kod yang sesuai dari Kad Kod Penghitung (Borang 14(a)/14(b)/14(c)) dan catitkan di Borang Perseorangan seperti berikut: (i) Tulis-kan Kod ini dalam kotak yang disediakan (ii) Tuliskan kumpulan keturunan disepanjang garisan di sebelah kanan kotak-kotak dan (iii) Tandakan kod di kotak-kotak kod yang disediakan dalam Soalan 7.

Kad Kod Penghitung iaitu Borang 14(a),14(b) dan 14(c) menyenaraikan beberapa pecahan Kumpulan Keturunan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Hendaklah di ingat bahawa di Semenanjung Malaysia, orang-orang yang melapurkan diri sebagai salah satu kumpulan orang asli Sabah dan Sarawak hendaklah di kodkan sebagai ‘Lain-lain Orang Melayu’ (Kod 09). Kategori ‘Lain-lain Orang Asli’ adalah Orang Asli/Suku Bangsa Semenanjung Malaysia selain daripada mereka yang telah disenaraikan (Kod 03 – 07).

Bagi Sabah, semua orang yang melapurkan diri sebagai salah satu kumpulan orang asli dan kategori yang disenaraikan dalam Borang 14(b), mereka hendaklah diberi Kod ‘01’ (Pri-Bumi). Sila ambil perhatian bahawa kumpulan asli Sarawak juga termasuk di bawah kategori ini.

Bagi Sarawak, perlu diingat bahawa kumpulan keturunan ‘Bisayah’, ‘Kedayan’ dan ‘Murut’ adalah mereka yang berasal dari Sarawak sahaja. Kumpulan asli Sabah yang didapati di Sarawak mesti dikategorikan di bawah ‘Lain-lain Orang Asli’ (Kod 12 dalam Borang 14(c)).

Orang-orang yang berasal dari keturunan campuran mungkin membangkitkan kesulitan pada anda. Ada diantara mereka yang tidak pasti Kumpulan Keturunan mana mereka berasal. Anda mesti menggalakkan mereka membuat satu pilihan dengan bertanya dari Kumpulan Keturunan mana mereka mengikut bahasa, ugama, adat resam dan lain-lain, atau Kumpulan Keturunan manakah ibubapa mereka yang mereka menganggap berasal. Sebagai satu cara yang terakhir, catitkan keturunan bapa.

Untuk membantu anda mengkodkan kumpulan-kumpulan keturunan kecil orang China, satu jadual akan dimasukkan yang menunjukkan tulisan-tulisan dalam Bahasa China bagi berbagai-bagai kumpulan. Sekiranya anda mendapat kesulitan, tunjukkan Kad Kod kepada orang yang berkenaan dan meminta beliau supaya memilih kumpulan yang betul.

Berikut ialah satu panduan bagi beberapa kes kesulitan yang mungkin berbangkit semasa perjalanan kerja anda:—

- a) Orang-orang yang melapurkan diri sebagai orang Jawa, Boyan, Bugis dan sebagainya hendaklah dicatitkan sebagai orang Indonesia. (Semenanjung Malaysia dan Sarawak). Bagi Sabah mereka hendaklah dicatitkan sebagai orang Pri-Bumi.
- b) Bukan semua orang peranakan Indonesia semestinya melapurkan diri sebagai orang Melayu. Ramai diantara mereka menganggap diri mereka sebagai orang Indonesia dan hendaklah dicatitkan sedemikian (Semenanjung Malaysia dan Sarawak). Di Sabah mereka hendaklah dicatitkan sebagai orang Pri-Bumi.

- c) Kumpulan-kumpulan kecil Hokchiu dan Hokchia hendaklah dikodkan sebagai 'Foochow' (Sarawak). Di Sabah kumpulan-kumpulan kecil ini hendaklah dimasukkan di kumpulan 'Lain-lain orang China'. Kumpulan kecil Henghua pula hendaklah dimasukkan dalam 'Hokkien' (Sabah).
- d) Sekiranya jawapan seseorang ialah 'Orang Ceylon' (bagi 'Orang Sri Lanka'), semak jika mereka adalah 'Orang Tamil Sri Lanka' atau 'Lain-lain Orang Sri Lanka'. Jangan masukkan 'Orang-orang Tamil Sri Lanka' sebagai 'Orang-orang Tamil India'. Dalam lain-lain perkataan, jika jawapan responden hanya 'Tamil', tanyalah responden samada ia 'Orang Tamil India' atau 'Orang Tamil Sri Lanka'. (Bagi mereka yang menyatakan mereka 'Orang Singhalese' hendaklah dikelaskan sebagai 'Lain-lain Orang Sri Lanka'. (Semenanjung Malaysia).
- e) Jangan masukkan Orang-orang Pakistan sebagai 'Lain-lain Orang India'. Terdapat satu kategori 'Orang Pakistan' yang berasingan dimaksudkan kepada 'Orang Pakistan Barat'. Oleh itu, jika jawapan hanya 'Orang Pakistan', tanyalah samada beliau ialah Orang-orang Pakistan Timur atau Barat. Orang Pakistan Timur adalah dikenali sebagai 'Orang Bangladesh', satu kategori yang berasingan dalam senarai (Semenanjung Malaysia).
- f) Bukan semua orang Punjabi orang Sikh. Sekiranya seorang responden adalah orang Punjabi lain dari orang Sikh, catitkan ia sebagai 'Lain-lain Orang Punjabi'.
- g) Orang-orang Nepal dan Gurkha hendaklah dicatitkan sebagai 'Lain-lain Orang Asia' dan bukan sebagai 'Lain-lain Orang India', (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak).
- h) 'Lain-lain Orang Asia' adalah kumpulan-kumpulan keturunan lain-lain Orang Asia yang tidak ditunjukkan cara berasingan dalam senarai (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak).
- i) Orang China dilahirkan di selat (Baba-Baba) akan dikelaskan di mana sahaja kumpulan keturunan yang mereka mengenali diri mereka sendiri. Jika mereka tidak dapat berbuat demikian mereka akan dikelaskan di bawah 'Lain-lain Orang China' (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak).
- j) 'Orang-orang Eropah' juga termasuk orang Australia dan New Zealand (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak).

Kategori 'Lain-lain' adalah untuk mereka yang tidak dapat diletakkan ke dalam kod-kod yang telah ditentukan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak).

8. Apakah agama anda?

Islam	Keristian	Hindu	Buddha	Confucianism/ Taoism/Lain-Lain Agama Tradisi Orang China	Agama Tua/Asli	Lain- Lain	Tiada Agama
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SOALAN 8

Ugama seseorang adalah pengenalan atau pertalian seseorang dengan satu set atau sistem kepercayaan ugama dan amalan.

Anda hendaklah tanyakan soalan seperti yang diberikan dan *jangan membuat apa-apa sangkaan*. Secara amnya, terima jawapan yang diberi dan tandakan kotak yang berkenaan. Adalah menasabah bagi ahli-ahli sebuah isirumah mempunyai ugama yang berlainan.

Kategori 'Tiada ugama' adalah orang-orang yang mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa kepercayaan ugama. Hendaklah diingat bahawa ugama mungkin atau tidak mungkin diwakili oleh sekumpulan orang yang bersekutu. Misalnya penyembahan roh dan alam semulajadi hendaklah dianggap sebagai ugama dan dicatitkan dalam kategori 'Agama Tua/Asli'.

Orang-orang yang menganggap diri mereka sebagai beragama Confucianism atau Taoism atau lain-lain ugama tradisi orang China misalnya bersembahyangkan nenek-moyang, hendaklah dicatitkan dalam kategori 'Confucianism/Taoism/Lain-Lain ugama tradisi Orang China' dan bukan didalam kategori 'Lain-Lain'.

Kategori 'Lain-Lain' adalah untuk mereka-mereka yang menganuti sesuatu ugama tertentu yang tidak termasuk di dalam kategori-kategori ugama yang telah ditetapkan. Ianya juga termasuk orang-orang yang tidak pasti akan ugama yang dianuti oleh mereka.

Kadangkala anda mungkin menghadapi kesusahan dalam memutuskan samada jawapan yang diberi ialah ugama yang berasingan atau hanya merupakan salah satu kumpulan kecil daripada ugama utama. Sekiranya anda merasa ragu-ragu, tanyalah responden untuk mengetahui maklumat selanjutnya.

9. Apakah kewarganegaraan anda?

Dibawah Umur
12 Tahun
☐

Malaysia
☐

Singapura
☐

Indonesia
☐

Filipina
☐

Thailand
☐

Lain-Lain
☐

Tidak
Diketahui
☐

(Pergi ke 11)

10. Apakah warna Kad Pengenalan Malaysia anda?

Tiada
☐

Biru
☐

Merah
☐

Hijau
☐

Lain-Lain
☐

SOALAN 9

Tanyakan soalan sebagaimana yang ditunjukkan dalam soalselidik. Bagi mereka yang berumur di bawah 12 tahun, tandakan kotak yang pertama.

SOALAN 10

Soalan ini akan hanya dijawab oleh mereka yang berumur 12 tahun dan ke atas.

Bagi mereka yang mempunyai kad pengenalan coklat atau warna-warna yang lain, selain dari yang ditetapkan di atas, iaitu biru, merah dan hijau, akan dimasukkan di bawah kotak 'Lain-lain'.

Kotak 'Tiada' adalah bagi mereka yang tidak mempunyai kad pengenalan.

11. Pernahkan anda bersekolah? (Tidak termasuk Sekolah Dewasa atau Tadika)

Masih
Bersekolah
☐

Tamat
☐

Tidak
☐

(Pergi ke 14)

12. Apakah peringkat persekolahan tertinggi yang ditamatkan/masih menuntut?

Rendah

Dar.1
☐

Dar.2
☐

Dar.3
☐

Dar.4
☐

Dar.5
☐

Dar.6
☐

Menengah

Peralihan/T 1
☐

T 2
☐

T 3
☐

T 4
☐

T 5
☐

T 6R
☐

T 6A
☐

Vokesyenal

T 4
☐

T 5
☐

Peringkat Tinggi

Universiti/
Kolej
☐

13. Apakah sijil tertinggi yang anda telah perolehi?

Tiada
☐

S.R.P/
L.C.E.
☐

S.P.M/S.P.
M.C.E/S.C.
☐

S.P.V.M/
M.C.V.E.
☐

S.T.P/
H.S.C.
☐

Diploma
☐

Ijazah
☐

SOALAN 11

Soalan ini hendaklah ditanya seperti yang ditunjukkan di dalam borang. Sekiranya seseorang menjawab 'Ya' anda mesti menentukan samada beliau pada masa itu masih bersekolah atau pun telah tamat persekolahan. Oleh itu kotak 'Tamat' hendaklah ditandakan bagi orang-orang yang pernah bersekolah, walaupun untuk beberapa tahun sahaja dan pada masa itu tidak lagi bersekolah.

Seseorang dianggap pernah bersekolah sekiranya beliau pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan yang biasa, samada awam atau swasta, bagi mendapatkan arahan sistematik di mana-mana peringkat pelajaran. Istilah 'sekolah' hendaklah dihadkan kepada institusi-institusi pendidikan yang memberi *arahan resmi/sistematik*. Arahan-arahan dalam kemahiran-kemahiran tertentu yang tidak menjadi sebahagian daripada struktur pelajaran yang diakui tidak boleh dimasukkan.

Sekolah-sekolah hendaklah *termasuk*: rendah, menengah, peringkat tertinggi (Universiti/Kolej). Yang *tidak boleh dimasukkan ialah*: Kursus-kursus 'in-training' kelas-kelas ugama (kecuali yang memberi pelajaran sebagainya (misalnya pelajaran melalui radio atau talivisyen, kelas jahit-menjahit dan lain-lain).

Sekiranya seseorang sedang melanjutkan pelajaran di dalam kolej atau universiti, tandakan 'Sedang Bersekolah'. (Guru-guru tidak boleh ditandakan 'Sedang Bersekolah' dalam soalan ini, melainkan jika mereka sedang dilatih sebagai seorang guru dalam sesebuah kolej/universiti pada masa ini).

SOALAN 12

Soalan ini hendaklah ditanya kepada orang-orang yang pernah bersekolah, orang-orang yang masih bersekolah semasa ini dan juga orang-orang yang telah tamat persekolahan.

Kami hanya berminat untuk mengetahui *peringkat persekolahan tertinggi* yang ditamatkan oleh seseorang. Oleh itu, hanya satu ruangan kotak perlu ditandakan. *Jika orang itu tidak bersekolah pada masa ini, anda hendaklah tandakan peringkat yang telah ditamatkan oleh beliau. Sekiranya orang itu masih bersekolah, catitkan peringkat yang sedang dihadapkannya dengan membuat sangkaan bahawa beliau akan menamatkan peringkat itu pada penghujung tahun. Jika orang itu telah meninggalkan sekolah dalam tahun itu dan tidak tamat pengajiannya, anda hendaklah menandakan peringkat sebelumnya, iaitu peringkat yang telah ditamatkan sepenuhnya.*

Kadang-kadang terdapat orang-orang yang telah lama tamat persekolahan mereka atau yang telah melanjutkan pelajaran di luar negeri yang mungkin memberi sesuatu jawapan yang tidak boleh disesuaikan dalam ruangan-ruangan kotak. Penyelesaiannya ialah dengan meminta mereka menimbangkan apakah peringkat setaraf atau persamaannya dengan peringkat persekolahan Malaysia pada hari ini. Kelas-kelas matrikulasi bolehlah disifatkan bersamaan dengan peringkat 'Tingkatan 6 Atas'.

Ruangan-ruangan kotak yang dibentangkan dalam soalan memberi berbagai-bagai peringkat (atau Tingkatan) di dalam aliran-aliran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris semasa ini. Satu jadual yang disertakan membentangkan peringkat-peringkat persamaannya di dalam aliran bahasa-bahasa yang lain dan persamaan-persamaan Bahasa Inggeris sebelum tahun 1954 (Sila lihat Borang 14(a)/14(b)/14(c)).

Sila ambil ingatan bahawa Vokesyenal 1 di Sabah dan Sarawak adalah sama dengan Tingkat 4 (Vokesyenal) di Semenanjung Malaysia. Vokesyenal 2 dan 3 di Sabah dan Sarawak adalah sama dengan Tingkatan 5 (Vokesyenal) di Semenanjung Malaysia. Bagi Sabah 'Senior Middle III' di dalam sekolah aliran Bahasa China adalah sama dengan Tingkatan 5.

SOALAN 13

Anda dikehendaki bertanya kelayakan-kelayakan tertinggi seseorang dalam soalan ini. Hanya *sijil yang paling tinggi* yang diterima oleh seseorang perlu ditandakan.

Mungkin terdapat beberapa kes di mana nama-nama sijil responden tidak sama seperti yang diberikan dalam soalan. Ini mungkin disebabkan peperiksaan itu telah diambil pada masa yang lampau atau pun ianya ialah peperiksaan luar negeri. Sebagaimana dalam Soalan 11, anda dikehendaki bertanya apakah peperiksaan atau sijil persamaannya dengan peperiksaan-peperiksaan/sijil-sijil Malaysia pada hari ini. Misalnya sesuatu kelayakan profesional mungkin disamakan dengan ijazah. Anda dikehendaki bertanya orang yang berkenaan apakah persamaan yang difikirkan olehnya sesuai untuk sijilnya.

Makna huruf-huruf ringkas yang ditunjukkan adalah seperti berikut:–

- S.R.P./L.C.E. – Sijil Rendah Pelajaran/Lower Certificate of Education
- S.P.M/M.C.E/ S.P/S.C. – Sijil Pelajaran Malaysia/Malaysian Certificate of Education/ Sijil Persekolahan/School Certificate.
- S.P.V.M/ M.C.V.E. – Sijil Pelajaran Vokesyenal Malaysia/Malaysian Certificate of Vocational Education.
- S.T.P/H.S.C. – Sijil Tinggi Persekolahan/Higher School Certificate.

Bagi Sarawak, Sijil “Sarawak Local Junior Certificate” adalah disamakan dengan S.R.P/L.C.E.

Sekiranya seseorang telah memperolehi diploma selepas menerima Ijazah (post-graduate diploma), anda hendaklah menandakan ‘Ijazah’ dan bukan diploma. Hanya bagi seseorang yang mempunyai diploma tanpa menerima ijazah yang dikehendaki ditandakan di bawah ‘Diploma’. Orang-orang yang menerima sijil-sijil yang lebih tinggi dari ijazah seperti Master, PhD. dan sebagainya hendaklah ditandakan di dalam ruangan kotak ‘Ijazah’.

Tandakan ruangan kotak ‘Tiada’ jika orang itu tidak lulus dalam mana-mana peperiksaan. Ini termasuk juga orang-orang yang terlalu muda usianya untuk mengambil peperiksaan-peperiksaan tersebut.

SOALAN-SOALAN 14 – 15

14. Pernahkan anda menerima sebarang latihan Vokesyenal?

Sedang Menerima

Tamat

Tidak

☐

☐

☐ (Pergi ke 16)

15. Apakah bidang latihan Vokesyenal yang anda sedang terima/telah terima?

1

2

3

4

5

6

7

8

☐

☐

☐

☐

☐

☐

☐

☐

SOALAN 14

Soalan 14 cuba mendapatkan maklumat samada seseorang itu telah atau sedang menjalani kursus latihan vokesyenal. Bagi soalan ini, kami berminat mendapat maklumat mengenai latihan-latihan vokesyenal secara formal dan tidak formal. Ini termasuk sekolah vokesyenal dan juga latihan kemahiran yang seseorang telah terima atau sedang menjalani dari/diberbagai institusi-institusi latihan seperti Instituti Latihan MARA, Instituti-Institusi Pertanian dan Perdagangan, Pusat-Pusat Latihan Belia dan lain-lain pusat latihan pihak swasta. Contoh-contoh latihan adalah jahit-menjahit, kursus elektrik, pertukangan atau latihan dalam kerja dalam kemahiran-kemahiran yang membolehkan mereka diikhhlaskan untuk sesuatu jawatan atau pekerjaan.

Ingat, latihan formal di bidang-bidang seperti 'Accountancy', Pengurusan Hotel', iaitu yang menjadi sebahagian dari sukatan pelajaran di Universiti, Instituti Teknologi MARA, dan lain-lain Kolej janganlah dianggap sebagai latihan Vokesyenal.

SOALAN 15

Dalam soalan 15, bidang latihan vokesyenal yang telah diterima atau sedang dijalani oleh seseorang adalah disoal. Anda hendaklah merujuk kepada Kad Kod (Borang 14(a)/14(b)/14(c)) untuk menandakan kotak yang betul sehaluan dengan bidang yang dikatakan oleh responden. Kategori-kategori yang diberi adalah bidang-bidang yang luas dan anda hendaklah tandakan di kotak yang paling tepat dengan bidang yang disebutkan oleh responden.

Sebagai panduan bagi anda menandakan kod yang betul, contoh-contoh bagi tiap-tiap kategori yang diberi dengan kod-kod adalah disenaraikan seperti berikut:-

<u>Kod</u>	<u>Bidang Latihan Vokesyenal</u>
1	<i>Pembinaan dan Pekerjaan Kayu</i> Pertukangan kayu, merata batu-bata, kerja menyimin, pengilangan papan, penyaluran air, dan lain-lain.
2	<i>Pekerjaan Besi termasuk memperbaiki Jentera Kenderaan dan Kerja Cantuman</i> Mekanik, pemasangan bahagian-bahagian mesin, jurutera mekanik, kerja menyambung besi, mekanik motor, membaiki jentera/mesin dan lain-lain.
3	<i>Kerja-kerja Letrik dan Electronik termasuk kerja memperbaiki Radio dan T. V.</i> Jurutera letrik, pembekalan letrik, penghawa dingin dan peti sejuk, pemasangan wire letrik, pemasangan wire, jurutera Radio/ T.V., perkhidmatan Radio/T.V., kerja Letrik dan Radio, dan lain-lain.
4	<i>Bidang Latihan Vokesyenal Pekerjaan Perdagangan</i> Buku kira-kira, pemasaran, kursus Setiausaha, taip-menaip, trengkas, dan lain-lain.
5	<i>Pekerjaan Pertanian termasuk Pembalakan</i> Ternakan, pertanian, jentera ladang.

6. *Perkhidmatan, termasuk Pengurusan Hotel, Solek-menyolek/
Pendandan Rambut, Jahit-menjahit dan Pembuat Baju*
Solek menyolek/Pendandan Rambut, jahitan, pereksa fesyen,
tukang jahit, sains rumahtangga, masak-memasak, pekerjaan
tangan, dan lain-lain.
7. *Mengecat, Cetakan, Menderaf Pelan*
Pengecat semburan, penjilid buku, cetakan, pembuat pelan binaan,
dan lain-lain.
8. *Lain-lain*
Membaiki kasut, jurugambar, pemahat tembaga, tukang besi,
perkapalan, pengukur, pekerjaan rotan dan lain-lain.

SOALAN-SOALAN 16 – 18

<p>16. Adakah anda dilahirkan di Malaysia?</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;"> <div style="text-align: center;"> <p>Ya</p> <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/> </div> <div style="text-align: center;"> <p>Tidak</p> <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/> <p>(Pergi ke 18)</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p>Tidak diketahui</p> <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/> <p>(Pergi ke 19)</p> </div> </div>															
<p>17. Di negeri manakah anda dilahirkan?</p> <table style="width: 100%; text-align: center; margin-top: 20px;"> <tr> <td>Johor <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Kedah <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Kelantan <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Melaka <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Negri Sembilan <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Pahang <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Pulau Pinang <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Perak <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Perlis <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Selangor <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Trengganu <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Wilayah Persekutuan <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Sabah <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Sarawak <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Negeri tidak diketahui <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> </tr> </table> <p style="text-align: center; margin-top: 10px;">(Pergi ke 19)</p>	Johor <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Kedah <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Kelantan <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Melaka <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Negri Sembilan <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Pahang <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Pulau Pinang <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Perak <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Perlis <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Selangor <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Trengganu <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Wilayah Persekutuan <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Sabah <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Sarawak <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Negeri tidak diketahui <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>
Johor <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Kedah <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Kelantan <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Melaka <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Negri Sembilan <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>											
Pahang <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Pulau Pinang <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Perak <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Perlis <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Selangor <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>											
Trengganu <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Wilayah Persekutuan <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Sabah <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Sarawak <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Negeri tidak diketahui <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>											
<p>18. Di negeri manakah anda dilahirkan?</p> <table style="width: 100%; text-align: center; margin-top: 20px;"> <tr> <td>Singapura <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Thailand <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Indonesia <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Filipina <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Vietnam <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>China <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>India/Pakistan B'desh/Sri Lanka <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> <td>Lain-lain <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td>Tidak diketahui <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/></td> </tr> </table>	Singapura <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Thailand <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Indonesia <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Filipina <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Vietnam <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	China <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	India/Pakistan B'desh/Sri Lanka <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Lain-lain <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>				Tidak diketahui <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>			
Singapura <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Thailand <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Indonesia <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Filipina <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>												
Vietnam <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	China <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	India/Pakistan B'desh/Sri Lanka <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>	Lain-lain <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>												
			Tidak diketahui <input style="width: 40px; height: 20px;" type="text"/>												

Soalan-soalan 16 – 18 mendapatkan maklumat mengenai tempat kelahiran seseorang dan adalah mudah sahaja.

Dalam soalan 16 hanya jika orang itu tidak tahu akan tempat kelahirannya sama sekali, anda boleh menandakan ruangan kotak 'Tidak diketahui'.

Soalan 17 jika seseorang menjawab 'Kuala Lumpur' anda dikehendaki menandakan ruangan kotak 'Wilayah Persekutuan'.

Soalan 18 hanya perlu ditanya kepada orang-orang yang bukan dilahirkan di Malaysia. Ambil perhatian bahawa negara-negara India, Sri Lanka, Pakistan dan Bangladesh dikategorikan bersama. Taiwan hendaklah dimasukkan di bawah kategori 'Lain-lain Negara'.

SOALAN-SOALAN 19 – 20

19. Berapa lamakah anda tinggal di Malaysia? (tahun)										
Kurang dari 1	1	2	3	4	5	6 – 9	10	11 – 20	21 dan lebih	
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	

20. Berapa lamakan anda tinggal di Kampung/Bandar ini? (tahun)										
Kurang dari 1	1	2	3	4	5	6 – 9	10	11 – 20	21 dan lebih	
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	

SOALAN 19

Soalan ini memperolehi data mengenai jumlah lamanya tempuh seseorang tinggal di Malaysia.

Dalam mengira tempuh masa ini, orang yang berkenaan tidak boleh mengambil kira ketiadaan dalam negara buat sementara waktu iaitu kurang daripada satu tahun, seperti pertukaran kerja dalam jangka masa pendek, cuti belajar dan sebagainya. Akan tetapi, sekiranya tempuh kediaman diganggu oleh tempuh yang lama di dalam sebuah negara yang lain, maka ini mesti ditolak dari jumlah tempuh sebenarnya.

Makna angka-angka di sisi kotak-kotak adalah seperti berikut:-

- Kurang dari 1 – Kurang dari setahun
- 1 – Setahun atau lebih tetapi kurang dari 2 tahun
- 2 – Dua tahun atau lebih tetapi kurang dari tiga tahun
- 3 – Tiga tahun atau lebih tetapi kurang dari empat tahun
- 4 – Empat tahun atau lebih tetapi kurang dari lima tahun
- 5 – Lima tahun atau lebih tetapi kurang dari enam tahun
- 6 – 10 – Enam tahun atau lebih tetapi kurang dari sepuluh tahun
- 10 – Sepuluh tahun atau lebih tetapi kurang dari sebelas tahun
- 11 – 20 – Sebelas tahun atau lebih tetapi kurang dari dua puluh satu tahun
- 21 – Dua puluh satu tahun/dan lebih

Sila ambil ingatan bahawa jika seseorang telah tinggal di Malaysia disepanjang umurnya tanpa keluar dari negara untuk tempuh yang lama, ruangan kotak yang ditandakan akan sama dengan umurnya.

SOALAN 20

Soalan ini memperolehi maklumat mengenai bilangan tahun seseorang tinggal dalam lokaliti ini. Satu lokaliti ialah sebuah kampung, bandar, estet dan sebagainya. Ianya ialah sesebuah kawasan yang mempunyai nama.

Seseorang mungkin tinggal dalam lokaliti untuk beberapa lamanya (ataupun sentiasa tinggal di situ) tetapi mungkin tidak tinggal di rumah itu pada semua masa. Adalah suatu perkara biasa bagi seseorang tinggal dalam beberapa buah rumah yang berlainan dalam kampung atau bandar yang sama. Dalam menandakan tahun-tahun dalam lokaliti, anda hendaklah jangan menghiraukan pemindahan ke rumah-rumah yang lain dalam lokaliti yang sama.

Di dalam bandar-bandar besar, mungkin terdapat beberapa kampung atau 'suburbs' di dalam lingkungan sempadan bandar itu. Pemindahan-pemindahan di antara kampung-kampung ini atau di antara 'suburbs' hendaklah dibiarkan sahaja. Bagi tujuan soalan ini, orang itu telah tinggal di tempat yang sama selama ini iaitu bandar yang berkenaan.

Makna angka-angka di sisi ruangan kotak-kotak adalah sama seperti yang telah diterangkan bagi soalan 19.

CATITAN: Jika orang itu hanya seorang pelawat, anda juga dikehendaki menandakan ruangan kotak yang berkenaan.

SOALAN-SOALAN 21 – 22

21. Di manakah tempat terakhir yang anda tinggal sebelum kampung/bandar ini?

Di lain-lain kampung/
bandar di Malaysia

Di dalam kampung/
bandar ini sejak lahir

Di luar
Malaysia

(Pergi ke 24)

(Pergi ke 24)

22. Apakah nama kampung/bandar terakhir yang anda tinggal sebelum ini?

a) Nama kampung: (i) Bukan dalam bandar: _____

atau (ii) Dalam bandar: _____

b) Nama bandar: _____

c) Mukim: _____

d) Daerah Pentadbiran/Jajahan: _____

e) Residensi (Sab.)/Bahagian (Sar.): _____

f) Negeri: _____

SOALAN 21

Soalan ini dan soalan yang berikutnya adalah bertujuan untuk mengetahui dimanakah tempat tinggal terakhir seseorang sebelum ia datang ke lokaliti ini. Dalam soalan ini anda dikehendaki menandakan salah satu daripada 3 ruangan kotak.

Ruangan kotak yang pertama adalah untuk orang-orang yang tinggal di lain lokaliti di dalam Malaysia pada satu ketika dahulu.

30

Ruangan kotak yang kedua ialah untuk orang-orang yang sentiasa tinggal dalam lokaliti ini iaitu sejak mereka dilahirkan.

SOALAN 22

Anda dikehendaki mencatatkan di sini *nama lokaliti* yang diduduki oleh seseorang sebelum ini. Jika nama kampung diberitahu kepada anda, anda perlu memastikan samada kampung itu adalah dalam bandar atau bukan dalam bandar dan anda dikehendaki mencatatkan di bawah (i) jika bukan dalam bandar atau di bawah (ii) jika ianya dalam bandar. Jika responden menjawab bahawa kampung itu ialah dalam bandar, anda mestilah mencatatkan nama bandar, Mukim, Daerah Pentadbiran dan Negeri di mana terletakanya kampung tersebut. Jika responden menjawab bahawa kampung itu bukan dalam bandar, anda hendaklah pergi ke (b) dan terus mencatatkan nama Mukim, Daerah Pentadbiran dan Negeri di mana terletakanya kampung itu.

Sebaliknya, jika responden menjawab bahawa sesuatu bandar ialah tempat tinggalnya yang terdahulu, anda hendaklah pergi ke (a) dan terus mencatat nama Bandar, Daerah Pentadbiran dan Negeri di mana terletakanya bandar itu.

SOALAN 23

23. Mengapakah anda berpindah ke kampung/bandar sekarang ini?

1

2

3

4

5

6

7

8

9

10

SOALAN 23

Soalan ini menyoal sebab mengapa seseorang berpindah dari sesebuah kampung/bandar yang dahulu ke lokalitinya sekarang. Anda hendaklah rujuk kepada Kad Kod (Borang 14(a)/14(b)/14(c)) untuk menanda kotak yang tertentu. *Hanya satu kotak ditanda.* Adalah berguna sekiranya sebab-sebab yang berikut dibacakan kepada responden supaya beliau dapat memilih sebab yang betul.

Kod-kod adalah untuk kategori-kategori di bawah ini:–

1. Berpindah tempat kerja
2. Kerana mencari pekerjaan, percaya tiada kerja yang sesuai di lokaliti kediaman yang dahulu
3. Memulakan pekerjaan yang ditawarkan
4. Untuk mendapat lebih pendapatan
5. Menyertai Rancangan Kemajuan Luar Bandar
6. Sebab-sebab pelajaran
7. Perkahwinan
8. Mengikut keluarga
9. Tanaman Pindah
10. Lain-lain

Kategori ‘berpindah tempat kerja’ hanya layak bagi mereka yang berpindah disebabkan oleh satu arahan pertukaran oleh firma/agensi atau kerajaan; dan ia tidak terlibat dengan pemberhentian pekerjaan yang lalu. Jika seseorang berpindah kerana tawaran pekerjaan baharu, anda hendaklah menandakan ‘Memulakan pekerjaan yang ditawarkan’. Ini termasuk mereka yang berpindah untuk memulakan pekerjaan yang pertama.

Jika seseorang berpindah selepas sahaja perkahwinannya ke tempat tinggal suami atau isteri, kotak ‘Perkahwinan’ (Kod 7) hendaklah ditandakan. Tetapi jika responden mengikut pasangannya berpindah oleh sebab pertukaran pekerjaan atau untuk pekerjaan baharu, kategori ‘Mengikut Keluarga’ (Kod 8) hendaklah ditanda. Ini juga digunakan bagi anak-anak yang berpindah dengan keluarga. Kategori ‘Sebab-sebab Pelajaran’ (Kod 6) hendaklah termasuk orang-orang yang berpindah ke lokaliti yang lain untuk menghadziri sesuatu institusi pendidikan misalnya sebuah Kolej atau University.

SOALAN 24

24. Adakah anda mengalami sebarang kecacatan?

Tiada

Buta

Pekak/Bisu

Lain-lain

SOALAN 24

Bagi tujuan-tujuan Banci, seseorang itu buta jika ia tidak boleh membaca butir-butir yang bertulis dipandang satu ela jaraknya dari ia.

Pekak dianggap sebagai satu kecacatan jika keadaannya mengakibatkan ia tidak boleh menghadziri sekolah-sekolah ‘biasa’ atau tidak boleh mendapat sesuatu pekerjaan.

Jika seseorang itu cacat anggota tetapi tidak buta ataupun pekak/bisu, ia akan ditandakan di bawah kotak ‘Lain-lain’.

Kotak ‘Tidak’ adalah bagi orang-orang yang tidak mempunyai sebarang kecacatan.

Soalan-Soalan 25–34 hendaklah ditanya kepada orang-orang yang berumur 10 keatas.

Soalan-Soalan 25–34 mencatatkan maklumat mengenai tugas atau pekerjaan seseorang. Anda mesti terangkan kepada responden bahawa anda hanya ingin tahu maklumat pada tempoh 7 hari sebelum hari temuduga.

<p>25. Adakah anda melakukan apa-apa kerja untuk mendapat gaji atau untung, sekurang-kurangnya satu hari, dalam masa 7 hari yang lalu?</p> <p>Ya <input type="checkbox"/> (Pergi ke 31)</p> <p>Tidak <input type="checkbox"/></p>
<p>26. Adakah anda membantu dalam ladang keluarga atau perniagaan keluarga sekurang-kurangnya 1 hari dalam masa 7 hari yang lalu?</p> <p>Ya <input type="checkbox"/></p> <p>Tidak <input type="checkbox"/> (Pergi ke 28)</p>
<p>27. Berapa jamkah anda bekerja sehari?</p> <p>3 jam atau kurang <input type="checkbox"/> (Pergi ke 29)</p> <p>Lebih dari 3 jam <input type="checkbox"/> (Pergi ke 31)</p>
<p>28. Adakah anda mempunyai apa-apa pekerjaan, pekerjaan ladang, perniagaan atau lain-lain pekerjaan keluarga untuk dirujuk semula selepas ini?</p> <p>Ya <input type="checkbox"/> (Pergi ke 31)</p> <p>Tidak <input type="checkbox"/></p>

SOALAN 25

Jika seseorang telah bekerja untuk mendapat upah atau keuntungan sekurang-kurangnya 1 hari dalam masa 7 hari yang lalu, anda hendaklah menandakan ruangan kotak ‘Ya’.

SOALAN 26

Soalan ini hendaklah ditanya jika jawapan kepada soalan 25 ialah ‘Tidak’. Jika seseorang telah membantu dalam kerja ladang atau perniagaan keluarga sekurang-kurangnya 1 hari dalam masa 7 hari yang lalu, anda dikehendaki menandakan ruangan kotak ‘Ya’, walaupun beliau tidak menerima satu upah yang tetap.

SOALAN 27

Soalan ini hendaklah ditanya jika jawapan kepada soalan 26 ialah ‘Ya’.

SOALAN 28

Soalan ini hendaklah ditanya jika jawapan kepada soalan 26 ialah ‘Tidak’. Walaupun orang itu tidak bekerja dalam masa 7 hari yang lalu, ada kemungkinan beliau masih mempunyai sesuatu pekerjaan yang tetap, pekerjaan di ladang, perusahaan atau perniagaan keluarga yang akan dikerjakan kembali. Beliau mungkin tidak bekerja buat sementara waktu disebabkan sakit, cuti, cuaca tidak baik, pemogokan kerja, penggantungan kerja sementara waktu dan sebagainya.

29. Adakah anda mencari pekerjaan dalam masa 7 hari yang lalu?

Ya

Tidak

(Pergi ke 31)

30. Mengapakah anda tidak membuat apa-apa percubaan untuk mencari sesuatu pekerjaan dalam masa 7 hari yang lalu?

01

02

03

04

05

06

07

08

09

10

11

12

13

14

(Pergi ke 35a)

SOALAN 29

Soalan ini hendaklah ditanya jika jawapan kepada soalan 28 ialah ‘Tidak’. Anda hendaklah menandakan ruangan kotak ‘Ya’ hanya jika orang yang berkenaan sedang aktif mencari sesuatu tugas atau pekerjaan dan ini bermakna bahawa beliau telah mengambil salah satu daripada langkah-langkah yang berikut:–

- (i)

Telah mendaftarkan diri di Pejabat Buruh/tempat mendapatkan pekerjaan
- (ii)

Telah menjawab iklan kerja-kerja kosong yang telah diiklankan
- (iii)

Telah menghubungi majikan-majikan yang boleh memberi pekerjaan kepada beliau
- (iv)

Telah memberitahu kawan-kawan/saudara-mara kalau-kalau ada peluang pekerjaan

Anda mesti memeriksa dengan responden untuk menentukan samada orang itu telah mengambil salah satu daripada langkah-langkah yang tersebut di atas apabila anda diberi jawapan ‘Ya’ kepada soalan ini.

SOALAN 30

Soalan ini hendaklah ditanya jika jawapan kepada soalan 29 ialah ‘Tidak’. Anda dikehendaki bertanya responden sebab-sebab mengapakah beliau tidak mencuba untuk mencari pekerjaan dalam masa 7 hari yang lalu. Tuliskan sebabnya dalam ruangan yang telah disediakan dan tandakan kod yang betul. Kod-kod ini adalah seperti berikut:–

- Bersekolah

01
- Kerja Rumah

02
- Percaya tiada pekerjaan yang sesuai

03
- Cuaca buruk

04
- Sakit/bersalin

05
- Akan memulakan pekerjaan baru

06
- Pergi melanjutkan pelajaran

07
- Kecacatan

08

'Pekerja Keluarga Tanpa Gaji' – Orang yang bekerja beberapa jam minima yang ditetapkan (lebih dari 3 jam sehari) tanpa mendapat gaji di dalam perusahaan ladang atau perniagaan yang dijalankan oleh seorang yang bersaudara yang tinggal dalam isirumah yang sama.

'Sedang Mencari Pekerjaan Pertama' – Orang yang sedang mencari pekerjaan yang pertama dan tidak melakukan apa-apa pekerjaan semasa tempuh rujukan 7 hari.

SOALAN 32

32.

Apakah pekerjaan anda yang utama?
(Terangkan jenis pekerjaan anda dalam dua atau lebih perkataan)

SOALAN 32

Soalan ini adalah berkenaan dengan pekerjaan utama seseorang. 'Pekerjaan Utama' adalah pekerjaan di mana responden menggunakan kebanyakan masanya. Sekiranya masa yang digunakan, katakan, dalam 2 pekerjaan adalah sama, pekerjaan yang memberikan seseorang itu pendapatan yang lebih ialah pekerjaan utamanya. Dalam situasi yang jarang sekali berlaku di mana masa yang digunakan dan pendapatan yang diterima adalah sama, benarkanlah responden memutuskan apakah pekerjaan utamanya.

Anda dikehendaki mencatat di sini pekerjaan utama yang diceburi oleh seseorang dalam tempuh rujukan 7 hari. Jika orang itu menganggur, catitkan pekerjaan yang terdahulu.

Adalah penting bagi anda memperolehi *jenis pekerjaan yang sebenar* dilakukan oleh responden. *Elakkan dari mengguna istilah-istilah* am seperti drebar, pembantu, petani, mekanik, kakitangan Kerajaan, dan sebagainya. Dalam kes-kes ini, anda hendaklah memastikan apakah jenis pembantu atau drebar atau mekanik. Misalnya seorang drebar mungkin seorang drebar lori, seorang drebar teksi atau seorang pemandu yang di upah. Di mana-mana yang boleh, gunakan dua atau lebih perkataan untuk menerangkan sifat pekerjaan sebenar yang dilakukan oleh responden.

Gelaran pekerjaan seseorang mungkin tidak cukup terang maksudnya. Dalam kes-kes sedemikian, maklumat tambahan yang menghuraikan sifat pekerjaannya adalah dikehendaki bagi maksud-maksud klasifikasi.

Kadang-kadang anda mungkin menghadapi kesusahan dalam menterjemahkan pekerjaan-pekerjaan yang diberi dalam berbagai-bagai loghat/bahasa kepada persamaan-persamaan Bahasa Malaysia/Inggeris. Dalam kes-kes ini, anda boleh mencatatkan perkataan-perkataan yang sebenarnya disebutkan oleh responden seperti 'mandore', 'serang', 'amah' atau 'Hang-Kong' boleh diterjemahkan di Pejabat pada satu peringkat kemudiannya.

SOALAN-SOALAN 33 – 34.

33.

Apakah nama dan alamat pertubuhan anda bekerja?

34.

Apakah aktibiti/hasil pengeluaran utama pertubuhan tempat anda bekerja?

SOALAN 33

Soalan ini mudah sahaja. Ianya bertujuan membantu dalam klasifikasi perusahaan sekiranya maklumat yang diberi dalam soalan 34 tidak cukup terang.

SOALAN 34

Soalan ini adalah berkenaan dengan perusahaan ditempat mana seseorang bekerja dalam tempuh rujukan 7 hari. Ianya adalah perusahaan pekerjaan utama responden.

Perusahaan seseorang adalah jenis aktibiti pertubuhan (misalnya firma, kilang atau kedai) di mana seseorang bekerja dalam tempuh rujukan 7 hari. Pada amnya, pengetahuan mengenai jenis hasil pengeluaran atau jenis perkhidmatan yang dilakukan oleh pertubuhan itu akan memberi anda sedikit sebanyak pendapatan di atas jenis aktibiti yang berkenaan. Sekiranya orang itu menganggur semasa tempuh tersebut, anda hendaklah mencatatkan perusahaan terdahulu di mana beliau bekerja.

Jenis perusahaan yang dijalankan di tempat seseorang bekerja semasa minggu rujukan mesti dicatatkan dengan terang dan tepat. Elakkan dari menggunakan istilah-istilah am seperti perusahaan, perniagaan borong, perniagaan runcit, pembinaan, ladang, perlombongan, perkilangan, perkhidmatan Kerajaan dan sebagainya. Gunakan dua atau lebih perkataan untuk menghuraikan jenis perusahaan misalnya perusahaan kasut, kedai borong, kedai buku, pembinaan jalan, ladang getah, lombong bijih timah (kapal korek), kilang kelapa sawit, Jabatan Perangkaan, supaya lebih berguna bagi maksud klasifikasi.

Sekiranya syarikat di mana seseorang bekerja terlibat dalam berbagai-bagai jenis perusahaan, anda hendaklah mencatatkan perusahaan yang dijalankan di tempat orang itu bekerja semasa minggu rujukan.

SOALAN 35

35a. Apakah kerja-kerja yang anda biasa lakukan dalam masa 12 bulan yang lalu?

Majikan	Pekerja	Pekerja Sendiri	Pekerja Keluarga Tanpa Gaji	Sedang Mencari Kerja	Kerja Rumah	Polajar	Lain-lain
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>

_____ Pergi ke 36 _____

35b. Perusahaan biasa?

Padi	Pembalakan	Perikanan	Getah	Lain-lain Pertanian
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
Perkilangan/ Binaan	Perdagangan	Pengangkutan/ Perhubungan	Perkhidmatan	Lain-lain
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>

Soalan ini adalah berkenaan dengan pekerjaan yang biasa dilakukan oleh seseorang disepanjang 12 bulan yang lalu. Sekiranya beliau bekerja, anda dikehendaki mencatatkan taraf pekerjaannya (samaada seseorang itu majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja-keluarga tanpa gaji) dan jenis perusahaan yang biasa dikerjakan oleh beliau (seperti padi, kayu balak, perikanan, getah, lain-lain pertanian, perkilangan/ pembinaan, perdagangan, pengangkutan/perhubungan, perkhidmatan dan lain-lain).

Anda hendaklah ingat bahawa soalan 35a adalah berkenaan dengan aktiviti utama seseorang dalam masa 12 bulan yang lalu, sementara soalan-soalan 25 – 34 adalah dihadkan kepada tempoh 7 hari sebelum tarikh temuduga.

Untuk kategori-kategori *taraf pekerjaan*, sila rujuk kepada soalan 31 untuk definisi-definasinya. Kategori-kategori yang selebihnya didefinisikan seperti berikut:-

Sedang mencari pekerjaan – Ini adalah untuk mereka-mereka yang berusaha untuk mencari pekerjaan dalam masa 12 bulan tempoh rujukan.

Kerja rumah – Catitkan di sini mereka yang mengatakan aktiviti utama mereka adalah menjaga anak dan mengemaskan rumah. Mereka ini mungkin juga membantu dalam ladang atau perniagaan keluarga (seperti membantu untuk menanam padi, menoreh getah dan sebagainya). Bagaimanapun, asalkan mereka menggunakan kebanyakan masa mereka untuk menjaga rumah, anda hendaklah mencatatkan mereka dalam kategori ini.

Pelajar – Ini adalah pelajar-pelajar yang menuntut di sekolah.

Lain-lain – Ini adalah bagi semua orang lain.

Bagi mereka-mereka yang biasa bekerja dalam masa 12 bulan yang lalu, bidang perusahaan yang dikerjakan oleh mereka adalah seperti berikut:-

Padi – Orang-orang yang biasanya terlibat dalam penanaman padi hendaklah ditandakan di ruangan kotak ini. Ini termasuk orang-orang yang terlibat dalam kerja memproses padi di rumah.

Kerja Balak – Ruangan kotak ini ialah bagi orang-orang yang kerjanya meruntuhkan pokok-pokok, menebang buluh dan rotan, menjaga hutan, himpunan-himpunan pokok dari kawasan balak dan sebagainya (orang-orang yang bekerja di kilang-kilang papan hendaklah ditandakan di ruangan kotak perkilangan).

Perikanan – Ruangan kotak ini ialah bagi semua jenis aktiviti perikanan samada di laut, di tepi laut atau di sungai.

Getah – Di ruangan kotak ini masukkan semua orang yang bekerja di ladang-ladang getah, di kebun-kebun getah, dalam pekerjaan memproses getah di ladang-ladang dan kebun. Kebun kecil dan lain-lain kerja yang bersangkutan dengan penanaman, pengutipan dan prosesan getah.

Lain-lain Pertanian – Semua orang yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti pertanian selain daripada keempat-empat aktiviti yang tersebut di atas, hendaklah ditandakan dalam ruangan kotak ini.

Perkilangan/Pembinaan – Ruangan kotak ini termasuk semua jenis pembuatan atau perkilangan (makanan, pakaian, perabut, jentera dan sebagainya). Ianya juga digunakan untuk orang-orang yang bekerja dalam perusahaan pembinaan. Oleh yang demikian, seseorang yang terlibat dalam perusahaan yang membuat sesuatu atau yang terlibat dalam membina sesuatu hendaklah ditandakan di ruangan kotak ini.

Perdagangan Kategori ini ialah bagi orang-orang yang terlibat dalam menjual sesuatu. Ianya mungkin secara borong atau runcit. Ia juga termasuk orang-orang yang bekerja di bank-bank, syarikat-syarikat insuran dan lain-lain institusi kewangan.

Pengangkutan/Perhubungan Orang-orang yang terlibat dalam apa-apa jenis kerja pengangkutan hendaklah dimasukkan di sini (misalnya keretapi, bas, teksi, beca, perkapalan, pengangkutan udara). Ia juga termasuk orang-orang yang terlibat dalam kerja-kerja simpanan dan gudang-gudang.

Orang-orang yang bekerja dalam perkhidmatan-perkhidmatan pos, talipon, taligerap dan perkhidmatan-perkhidmatan kabel juga hendaklah ditandakan dalam kotak ini.

Perkhidmatan Termasuk orang-orang yang bekerja dalam perkhidmatan Kerajaan, dalam perkhidmatan-perkhidmatan polis dan tentera, dalam perkhidmatan-perkhidmatan pelajaran, perubatan dan kesihatan. Juga termasuk perkhidmatan undang-undang, perundingan perniagaan, hiburan, hotel-hotel, penggunting-penggunting rambut dan lain-lain aktibiti perkhidmatan.

Lain-lain Ini adalah bagi semua aktibiti, yang tidak termasuk dalam kategori-kategori yang tersebut di atas. Orang-orang dalam perlombongan dan kerja-kerja kuari adalah diletakkan di bawah kategori ini.

SOALAN 36

36. Bolehkan anda bertutur dalam mana-mana bahasa yang berikut?

Fasih Bahasa Malaysia	Bahasa Malaysia Mudah	Inggeris	China	Tamil
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Iban	Kadazan/Dusun	Bajau	Lain-lain Bahasa	Bisu
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SOALAN 36

Soalan ini adalah berkenaan dengan bahasa-bahasa yang boleh dipertuturkan oleh seseorang. Seseorang itu dianggap boleh bertutur dalam sesuatu bahasa sekiranya ia aktif dalam perbualan harian dengan menggunakan bahasa tersebut. Sekiranya kebolehan itu hanya terhad kepada beberapa patah perkataan seperti memberi salam atau perintah, beliau dianggap tidak boleh bertutur dalam bahasa itu.

Perhatian patut diberi kepada Bahasa Malaysia disebabkan ada lingkungan luas pada kebolehan bertutur dalam bahasa ini dikalangan orang yang bukan Melayu. Oleh itu dua kotak telah disediakan bagi Bahasa Malaysia. ‘Fasih dalam Bahasa Malaysia’ ialah bagi orang yang boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dengan baik (iaitu dengan fasihya). ‘Bahasa Malaysia yang mudah’ ialah bagi orang-orang yang hanya mempunyai pengetahuan sederhana dalam bahasa tersebut.

Satu kategori tambahan ‘Bisu’ juga disediakan untuk orang-orang bisu.

Lebih dari satu tanda jawapan dibenarkan pada soalan ini.

37. Bolehkah anda membaca surat khabar atau surat?			
Ya		Tidak	
<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/> (Pergi ke 40)	

38. Bolehkah anda menulis surat yang mudah?			
Ya		Tidak	
<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/> (Pergi ke 40)	

39. Dalam bahasa apakah anda boleh menulis?			
Bahasa Malaysia	Inggeris	China	Tamil
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Iban	Kadazan/Dusun	Bajau	Lain-lain Bahasa
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SOALAN-SOALAN 37 DAN 38

Soalan-soalan ini mengukur kebolehan seseorang membaca dan menulis. Sekiranya seseorang itu hanya boleh membaca dan menulis beberapa perkataan sahaja, anda tidak boleh mencatatkannya sebagai mempunyai kebolehan membaca dan menulis. Adalah penting untuk menanyakan soalan seperti yang telah dinyatakan, iaitu, samada seseorang boleh *membaca surat khabar atau surat* dan samada beliau boleh *menulis surat yang mudah*. Orang-orang yang menjawab ‘Tidak’ pada soalan 37 tidak perlu ditanya soalan 38.

Dalam beberapa kes, anda mungkin mendapati bahawa tidaklah menasabah untuk bertanya soalan-soalan ini kepada orang-orang yang pernah menghadiri sekolah menengah, kolej dan sebagainya. Untuk mengelak dari hal ini, anda boleh bertanya soalan-soalan ini hanya kepada mereka yang tidak pernah bersekolah ataupun hanya menghadiri sekolah rendah sahaja. Sekiranya seseorang itu mempunyai pelajaran menengah dan ke atas, anda boleh terus menandakan di ruangan-ruangan kotak ‘Ya’ pada soalan-soalan 37 dan 38. Bagaimanapun, sekiranya ada apa-apa keraguan, anda mestilah juga tanyakan soalan ini.

SOALAN 39

Sekiranya seseorang boleh menulis (iaitu, tanda ‘Ya’ di soalan 38), anda hendaklah mencatatkan apakah bahasa yang beliau boleh tulis. Lebih daripada satu tanda jawapan boleh diberi bagi soalan ini. Oleh yang demikian, anda hendaklah menandakan di ruangan-ruangan kotak yang berkenaan bagi semua bahasa yang disebutkan oleh beliau.

CATITAN: Kebolehan menulis Bahasa Malaysia bererti berkebolehan menulis samada dengan Rumi atau Jawi. Salah satu darinya boleh diterima.

40. Adakah anda									
Tidak Berkahwin		Masih Berkahwin		Balu/Duda		Bercerai/Berpisah Tetap			
<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>			

41. Adakah ini perkahwinan anda yang pertama?									
Ya					Tidak				
<input type="checkbox"/>					<input type="checkbox"/>				

42. Berapakah umur anda semasa pertama kali berkahwin?										
	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9
p	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
y	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SOALAN 40

Dalam soalan ini, taraf perkahwinan pada masa sekarang disoal.

Anda dikehendaki menandakan kotak ‘Tidak Berkahwin’ bagi orang-orang yang melaporkan diri sebagai tidak pernah berkahwin. Orang-orang yang ‘Bujang’ pada masa itu tetapi perkahwinannya telah dibubarkan, tidak boleh ditandakan dalam kategori ini.

Perkahwinan hendaklah termasuk perkahwinan yang telah didaftar atau terima mengikut adat sosial. Oleh yang demikian, pasangan-pasangan secara ‘consensual’ dan ‘de facto’ yang tetap hendaklah dianggap sebagai telah berkahwin.

Seseorang yang masih berkahwin pada masa itu, iaitu yang mana perkahwinannya masih wujud hendaklah ditanda sebagai ‘Masih Berkahwin’. Sekiranya seseorang itu pernah menjadi balu/duda atau bercerai pada satu masa dahulu tetapi sekarang telah berkahwin semula, anda mesti mengelaskannya sebagai ‘Masih Berkahwin’.

Orang yang ‘Masih Berkahwin’ termasuk juga mereka-mereka yang berpisah dengan pasangan mereka buat sementara waktu. Dalam kes-kes perpisahan-perpisahan yang lebih lama atau lebih tetap, orang itu mesti dikelaskan mengikut apakah taraf yang ia menganggap. Bagaimanapun, jika perpisahan adalah terlalu lama (misalnya lebih daripada 10 tahun) dan tidak ada kemungkinan mereka akan bersatu semula, orang itu mestilah ditandakan di kategori ‘Bercerai/Berpisah Tetap’.

Seseorang dikelaskan sebagai telah ‘Bercerai’ sekiranya perkahwinannya telah dibubarkan samada dari segi undang-undang atau adat sosial ataupun secara suka sama suka.

SOALAN 41

Soalan ini hendaklah ditanya kepada semua orang yang pernah berkahwin. Orang-orang yang ‘Masih Berkahwin’ hendaklah ditanya soalan seperti yang disediakan. Bagi balu/duda dan yang bercerai, anda dikehendaki bertanya samada perkahwinan mereka yang dahulu ialah perkahwinan yang pertama.

SOALAN 42

Soalan ini cuba memperolehi umur dalam tahun genap pada masa seseorang pertama kalinya berkahwin. Soalan ini juga mesti ditanya kepada semua orang yang pernah berkahwin.

Mungkin terdapat sedikit masalah bagi orang-orang tua untuk mengingatkan kembali. Anda mesti cuba sedaya upaya untuk memperolehi ‘Umur semasa pertama kali berkahwin’ dengan setepatnya. Jawapan-jawapan seperti ‘13’ atau ‘14’ mungkin diberi atau apabila sesuatu jawapan tidak dapat diberi bagi orang-orang tua, cuba mengingatkan mereka dengan bertanya ‘Pada umur berapakah mereka melahirkan anak yang pertama’ atau pun dengan bertanya ‘Berapa tahun telah Berkahwin’. Jika ianya berlaku pada sesuatu tahun dimana juga berlakunya satu peristiwa yang bersejarah, anda boleh membantunya memperolehi satu umur yang tepat.

Adalah satu pendapat yang baik jika arahan-arahan kepada soalan mengenai ‘Umur’ seseorang dapat diikuti dan kalendar yang mengandungi peristiwa-peristiwa yang bersejarah dapat digunakan.

SOALAN-SOALAN 43 – 44

<div>43. Pernahkah anda melahirkan anak?</div> <div>Ya</div> <div><input type="checkbox"/></div> <div>Tidak</div> <div><input type="checkbox"/> (TAMAT)</div>	<div>44a. Berapakah jumlah anak yang anda lahirkan hidup?</div> <div>(Tidak termasuk kelahiran mati): _____</div>
	<div>44b. Berapakah daripadanya yang masih hidup? _____</div>

SOALAN 43

Soalan ini hendaklah ditanya kepada orang-orang perempuan yang pernah berkahwin sahaja, iaitu semua orang perempuan yang berumur 10 tahun keatas yang telah menjawab ‘Ya’ kepada Soalan 40.

Sekiranya orang perempuan itu menjawab ‘Tidak’ pada Soalan 43 temuduga adalah tamat untuk orang tersebut. Soalan ini tidak sama dengan ‘Adakah anda mempunyai anak?’, dimana seseorang perempuan mungkin memasukkan anak-anak angkat atau anak-anak tiri. Sekiranya seorang perempuan pernah melahirkan seorang anak dan telah memberinya kepada orang lain sebagai anak angkat atau diberi kepada orang lain untuk dijaga, ruangan kotak ‘Ya’ mesti ditandakan.

SOALAN 44

Dalam Soalan 44a maklumat adalah dikehendaki mengenai jumlah bilangan anak yang dilahirkan hidup oleh seseorang perempuan. Kelahiran mati, iaitu anak-anak yang dilahirkan tidak bernyawa, jangan dimasukkan. Anak-anak angkat dan anak-anak tiri juga jangan dimasukkan. Akan tetapi, anak-anak yang telah dilahirkan oleh perempuan itu tetapi telah diberikan kepada orang lain mestilah dimasukkan.

Sekiranya orang perempuan itu telah berkahwin lebih dari sekali, pastikan bahawa anda mengira anak-anak hasil dari semua perkahwinannya. Anda adalah berminat pada jumlah bilangan anak-anak yang dilahirkan oleh perempuan tersebut.

Soalan 44b menyoal bilangan anak yang masih hidup pada masa Banci. Pastikan bahawa anda memasukkan anak-anak yang telah dewasa dan berpindah ketempat lain dan juga anak-anak yang telah diberi kepada orang lain sebagai anak angkat, yang masih hidup. Semak bahawa bilangan itu tidak melebihi dari bilangan yang telah diberikan bagi Soalan 44a. Semak dengan responden dan betulkan jika terdapat apa-apa perbezaan.

Adalah mustahak untuk menulis '0' (kosong) pada Soalan 44a jika responden mengatakan yang ianya belum lagi melahirkan anak atau melahirkan kelahiran-kelahiran yang hidup. Sama juga anda hendaklah tuliskan '0' (kosong) di Soalan 44b jika responden mengatakan ia tidak mempunyai lagi anak yang masih hidup. Jika pada beberapa sebab anda tidak dapat sesuatu jawapan tuliskan T.D. (tidak diperolehi) pada Soalan 44a atau 44b. *Janganlah tinggalkan Soalan 44a dan 44b kosong.*

BAHAGIAN 6 : KERJARUMAH

A. *Pada penghujung tiap-tiap hari, anda dikehendaki membuat sedikit sebanyak kerja rumah. Ini tidak akan mengambil masa anda yang panjang tetapi hendaklah dibuat setiap hari.*

